


Jilid I  
Bil. 23



Hari Jumaat  
13hb April, 1979

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 2269]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) [Ruangan 2312]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2311]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR. CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHEAL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussin.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

**Jumaat, 13hb April, 1979**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

*(Soalan No. 1 Ditarik Balik)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, saya tarik balik.

**KENYATAAN SESAT—  
MENGELUARKAN**

2. **Tuan Ibrahim bin Abdullah** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mendakwa di Mahkamah Syariah dan menghukum mereka yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Agama Islam yang mengeluarkan kenyataan yang sesat atau mengelirukan sama seperti hukuman yang dikenakan kepada orang-orang perseorangan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara-perkara yang menyentuh hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut agama Islam adalah di bawah bidangkuasa negeri-negeri. Maka oleh itu, terpujanglah kepada pihak Berkuasa negeri-negeri tersebut untuk mengambil tindakan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, setakat yang melibatkan Wilayah Persekutuan, memanglah jelas seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 168 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974 bahawa, "Jika sesiapa yang lain daripada Mufti atau seseorang yang menjalankan kuasanya mengikut undang-undang ini mengeluarkan, mencuba mengeluarkan apa-apa fatwa atau hukum di atas apa-apa soalan agama Islam atau undang-undang agama Islam ataupun Nas atau adat istiadat Melayu hendaklah diseksa selama tidak lebih daripada 3 bulan atau denda tidak lebih daripada \$250.00."

**RASUAH—MENGHAPUSKAN  
AMALAN**

3. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Undang-undang menyatakan setakat manakah kerjasama serta bantuan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin serta rakyat negara ini dalam usaha menghapuskan amalan rasuah supaya janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaannya ialah sebuah Kerajaan yang bersih dan jujur dapat ditunai.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi tujuan utama Kerajaan untuk mewujudkan satu pentadbiran yang benar-benar bersih, jujur dan berjaya demi kepentingan rakyat. Dan dengan hasrat yang demikian Biro Siasatan Negara telahpun ditubuhkan dengan rasminya dalam tahun 1973 yang mana menjadi satu agensi Kerajaan yang tugasnya dikhaskan untuk menjalankan semua penyiasatan ke atas perbuatan-perbuatan menyeleweng dan rasuah.

Setakat manakah kerjasama serta bantuan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin serta rakyat negara ini dalam usaha menghapuskan amalan rasuah tidaklah ada sesuatu yang boleh dijadikan ukuran yang tepat. Walau bagaimanapun dengan adanya hakikat setiap maklumat yang diterima ataupun diperolehi oleh Biro Siasatan Negara berkenaan dengan perbuatan penyelewengan dan rasuah disiasat dengan begitu teliti dan diambil tindakan sewajar, semenjak penubuhan Biro Siasatan Negara hingga sekarang, telah dipercayai menimbulkan suatu semangat dan kesedaran di dalam semua golongan rakyat termasuk juga pemimpin-pemimpin pelbagai peringkat. Ini adalah jelas digambarkan oleh betapa banyaknya dan bertambahnya maklumat-maklumat yang diterima itu termasuklah maklumat-maklumat ke atas perbuatan penyelewengan ataupun rasuah yang dikatakan baru sahaja berlaku. Selain daripada itu maklumat-maklumat di atas penyelewengan dan rasuah yang telah berlaku beberapa lama juga terus didedahkan oleh maklumat-maklumat ini.

Tanpa adanya satu ukuran yang tepat, kesedaran yang telah meningkat di kalangan seluruh rakyat dan kepimpinan terhadap keburukan penyelewengan dan rasuah bolehlah dijadikan satu ukuran yang menggalakkan dan yang perlu dipupuk. Kejayaan pihak Biro Siasatan Negara untuk meningkatkan lagi kesedaran terhadap keburukan rasuah ini adalah menjadi faktor yang penting untuk menghapuskan amalan rasuah supaya janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaannya adalah sebuah Kerajaan yang bersih, jujur dan berjaya akan dapat ditunaikan.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan tambahan. Yang pertama, semasa kita mengambil segala langkah untuk mengawal dan menghapuskan amalan rasuah di dalam Malaysia ini, rakyat yang mulia ingin tahu melalui Dewan ini iaitu adakah NBI bergerak dengan bebas?

Pertanyaan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, semasa kita mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan rasuah ini, saya ingin tahu mengapakah Kerajaan dari satu masa ke satu masa membenarkan banyak pegawai-pegawai bersara (optional retirement), bukanlah ini satu perkara meng-

galakkan perkara rasuah. Jika ada keterangan yang betul-betul cukup patut dibawa ke mahkamah.

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama, NBI adalah bergerak dengan bebas. Jawapan yang kedua, mengapa Kerajaan membenarkan optional retirement, ini memang ada peruntukan di dalam peraturan-peraturan tertentu dalam mana pegawai-pegawai apabila meningkat kepada umur optional ini diberi kesempatan bagi mereka bersara. Ini tidak ada kait-mengait saya rasa dengan perkara rasuah.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, amalan rasuah di negara kita ini setakat sekarang adakah dia makin meningkat ataupun makin menurun sebagaimana yang kita harap-harapkan.

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa payah kita hendak mencari panduan menjawab soalan sama ada perkara rasuah meningkat ataupun menurun.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, rasuah itu ada rasuah perseorangan dan juga ada rasuah diberi kepada badan-badan. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu salah atau tidak jika satu badan katalah, badan politik mengambil rasuah, salah atau tidak di sisi undang-undang dan bagaimana pula Kerajaan akan menghukum badan politik itu?

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Badan-badan tertentu termasuk badan-badan politik tidak terkeluar dari kuasa pengawal rasuah kalau sekiranya satu-satu badan itu didapati terlibat dalam perkara rasuah. Pegawai yang berkenaan secara langsung ataupun tidak langsung terlibat berkenaan dengan perkara rasuah ini boleh didakwa.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Kerajaan hendak menuju atas maksud soalan ini, Biro Siasatan Negara telah ditubuhkan. Setakat ini adakah pegawai-pegawai kakitangan Kerajaan di

Jabatannya mencukupi, kalau tidak cukup apa perkembangan baharu yang sedang dibuat oleh Kementerian ini?

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa semenjak penubuhan Badan Pencegah Rasuah ini bilangan kakitangannya belum lagi memuaskan, lebih-lebih lagi memandangkan kepada kenyataan bahawa kebanyakan ataupun keseluruhan pegawai-pegawai yang diambil bertugas dalam Biro ini adalah daripada pegawai-pegawai polis. Tidak lama dahulu pegawai-pegawai polis ini diberi option sama ada hendak tetap di dalam Biro Siasatan Negara atau hendak balik ke jabatan asal, tetapi banyak yang balik dan ada juga yang tinggal. Oleh kerana penyusunan semula ini sudah membangkitkan keadaan dalam mana bilangan pegawai adalah tidak begitu mencukupi bagi dapat menjalankan tugasnya dengan licin dan berkesan, tetapi pada masa ini kita sedang menjalankan exercise dalam mana bilangan pegawai di dalam Biro ini ditambah supaya dapat Biro ini menjalankan tugasnya dengan lebih-lebih berkesan lagi daripada masa-masa yang lepas.

#### PENDAFTAR KERETA-KERETA MOTOR

**4. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pendaftaran kereta-kereta motor seperti yang terdapat sekarang di negara kita sudah sampai kepada had yang merumitkan;
- (b) sama ada Kementerianya bercadang mengasingkan nombor-nombor pendaftaran bagi semua kenderaan, yakni satu set nombor untuk motokar, satu set untuk motosikal dan seterusnya; dan
- (c) sebab-sebab bilangan satu-satu set pendaftaran kereta-kereta motor dihadkan kepada 10,000 kenderaan sahaja, sedangkan angka ini boleh dilanjutkan hingga ke 100,000 kenderaan sebagaimana yang dilakukan di setengah-setengah negara lain.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut sistem pendaftaran kereta-kereta motor yang dijalankan sekarang oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian saya berpendapat sistem tersebut tidak membawa apa-apa kerumitan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji penggunaan nombor-nombor pendaftaran mengikut jenis kenderaan seperti lori, motosikal, bas, teksi dan sebagainya. Jabatan Pengangkutan Jalan telah ditugaskan membuat kajian ini.
- (c) Tujuan peruntukan nombor-nombor pendaftaran kepada kereta-kereta motor adalah untuk membolehkan orang awam dan pihak penguatkuasaan mengambil perhatian nombor-nombor pendaftaran sesebuah kereta khususnya apabila kereta-kereta motor itu berjalan sangat laju atau terlibat di dalam sesuatu kemalangan yang mana nombor pendaftaran itu dikehendaki diambil ingatan sertamerta ketika berlakunya kemalangan tersebut. Jika cadangan Ahli Yang Berhormat itu diterima ini akan merumitkan orang-orang awam dan pihak-pihak penguatkuasa mengingati nombor-nombor pendaftaran itu apabila keadaan itu memerlukan.

#### KEBUDAYAAN NASIONAL

**5. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) kejayaan yang dicapai dalam usaha menyerapkan unsur-unsur kebudayaan asing yang sesuai ke dalam konsep kebudayaan nasional mengikut prinsip Rukunegara; dan
- (b) jenis-jenis kebudayaan yang telah diserapkan kepada kebudayaan nasional setelah ditokok pinda.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Mengukur pencapaian usaha menyerapkan unsur-unsur kebudayaan asing yang sesuai ke dalam konsep

kebudayaan Nasional adalah sukar, kerana peranan ini adalah 'multi-disciplinary' dan melibatkan seluruh agensi-agensi Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pusat. Ini adalah satu proses akulturasi yang memakan masa yang panjang. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri dalam usaha ini membuat penumpuan penuh terhadap kesenian, di samping itu KKBS masih lagi menggiatkan penyelidikan dalam beberapa aspek kesenian-kesenian asing yang dapat diterapkan ke dalam Kebudayaan Nasional.

(ii) Penyelidikan terhadap menubuhkan nilai-nilai kebangsaan yang bersifat umum dan nyata dari pelbagai masyarakat dan suku kaum di Malaysia juga sedang dikaji oleh Kementerian ini. Siri seminar telah dan akan dilaksanakan daripada kerjasama institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam kegiatan kemasyarakatan dan kebudayaan. Bagaimanapun proses itu juga terjadi sendiri tanpa dirancang seperti budaya matabenda.

(b) Proses penyerapan budaya ke dalam sesuatu masyarakat bukanlah satu usaha yang dapat dirancang dengan mendapat pengukuran hasil dalam masa yang singkat. Bagaimanapun KKBS telah dan sedang mengkaji kemungkinan beberapa unsur seni dan budaya umumnya bagi penyerapan dan penerimaan yang lebih sempurna oleh seluruh lapisan masyarakat.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Dalam Kerajaan hendak menuju konsep kebudayaan nasional ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri macam-macam langkah dan rancangan sedang dibuat. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini setakat ini beberapa persénkah telah dicapai dan tidakkah boleh Kementerian ini memberi satu had masa yang tertentu konsep ini dapat dilaksanakan. Umpamanya, Bahasa Kebangsaan 10 tahun tetapi konsep kebudayaan nasional ini diberi masa yang tertentu, boleh atau tidak?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah nyatakan di dalam proses menjadikan kebudayaan nasional itu dapat diwujudkan dalam negara kita ini bukanlah sesuatu yang dapat dilaksanakan seumpama kita menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa nasional atau Bahasa Rasmi dalam tempoh sekian-sekian masa, kerana soal bahasa itu memanglah satu daripada unsur-unsur kebudayaan yang penting bagi negara kita ini, tetapi dalam mengubah satu unsur kebudayaan masyarakat satu kaum itu tidak mudah, kerana kebudayaan ini adalah meliputi aspek kehidupan manusia kita seluruhnya. Umpamanya sekarang dalam tanah-air kita ini katalah masyarakat golongan India, golongan Cina dan golongan Melayu tidak begitu mudah kita hendak mendesak atau hendak membuat satu undang-undang supaya suratkhbar Cina, suratkhbar Tamil, bahasa Cina dengan majallahnya dihapuskan semua sekali.

Dan tidak mudah begitu sahaja kita hendak menetapkan masanya sekian-sekian masa rancangan TV, Radio supaya nyanyian-nyanyian, tarian, bahasa China, Bahasa India, bahasa Inggeris dalam TV itu diberhentikan sama sekali pada sekian-sekian masa. Begitu juga adat resam yang telah dianuti sejak berkurun-kurun dari nenek moyang mereka, katalah, adat resam orang China, adat resam orang India hendak ditukar serta merta, ini satu hal yang mustahil kita dapat menentukan masa. Jadi kebudayaan barat yang mustahil kita dapat menentukan masa. Jadi kebudayaan barat yang datang kepada kita ini, masa Inggeris datang dahulu, ia tidak menetapkan dan tidak memberikan satu gambaran ataupun menunjukkan ataupun memaksa masyarakat Malaysia ini mengikut kebudayaan barat tetapi akhir-akhirnya kita sekarang ini telah banyak mengikut kebudayaan barat itu. Ini tidak dapat kita nafikan.

Dengan kerana itu kebudayaan nasional ini hendak diwujudkan mestilah melalui proses yang panjang, terutama sekali melalui pendidikan di sekolah. Jadi pihak Kerajaan tidak dapat menentukan tarikh dan waktunya kerana ini bukanlah merupakan sesuatu benda atau satu subject yang dapat kita tentukan waktu dan masa seumpama kita mengwujudkan Bahasa Kebangsaan.

## ISTERI ASKAR

**6. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada isteri seorang askar yang bertugas di tempat yang sama dengan suaminya akan juga diberi keistimewaan bertukar bersama suaminya apabila suaminya ditukar ke tempat lain.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan hanyalah bertanggungjawab untuk menukarkan seseorang askar dan bukan isterinya, kecuali jikalau isteri itu juga seorang kakitangan Kementerian Pertahanan.

Jika isteri seseorang anggota tentera itu adalah seorang kakitangan Kementerian Pertahanan, di mana keadaan mengizinkan, peraturan-peraturan lazimnya boleh dibuat untuk menukarkan si isteri itu ke stesyen yang baru di mana suaminya bertugas, tertakluk kepada dua syarat:

- (a) Stesyen bertugas yang baru untuk suaminya telah diwujudkan sebagai stesyen family di mana ada tempat kediaman untuk keluarga.
- (b) Ada kekosongan perjawatan untuk si isteri itu di tempat yang baharu.

Sebaliknya pula jika isteri seseorang anggota tentera itu bukan seseorang kakitangan Kementerian Pertahanan, maka adalah menjadi tanggungjawab sendiri si isteri itu memohon pertukaran melalui Ketua Jabatan di mana beliau bertugas.

## TANAH BENDANG DI KEDAH

**7. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihak Kementerian sedar di daerah Pendang, Kedah ada tanah-tanah bendang yang boleh dikatakan tidak pernah langsung mendapat hasil yang penuh. Jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, di daerah Pendang di Kedah jumlah kawasan padi ialah lebih kurang 35,414 ekar yang mana 25,712 ekar daripadanya ditanam dua kali setahun dan bakinya se-

banyak lebih kurang 9,702 ekar ditanam sekali setahun. Mengikut banci yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah hasil purata di kawasan-kawasan yang ditanam sekali setahun ialah 450 gantang se-ekar berbanding dengan 560 gantang seekar di kawasan-kawasan yang ditanam dua kali setahun.

Sungguhpun hasil tanaman padi di kawasan sekali setahun kurang daripada kawasan tanaman padi dua kali setahun tetapi kekurangan ini tidaklah sebegitu buruk sebagaimana yang disangkakan. Hasil purata yang rendah di kawasan padi sekali setahun ini adalah disebabkan beberapa faktor iaitu kekurangan kemudahan-kemudahan perairan yang mana Kementerian sekarang ini sedang berusaha untuk menyemak sumber air dan masalah-masalah berkaitan dengannya. Satu lagi faktor penting ialah cara-cara bertani yang baik dan betul serta pengurusan ladang yang pesat. Dengan memajukan cara-cara bertani dengan cara yang moden dan baik hasil padi akan dapat bertambah. Kesedaran atas keyakinan ini Jabatan Pertanian telah memperhebatkan perkhidmatan perkembangannya di kawasan-kawasan yang terlibat dengan memberi tunjuk ajar dan juga melaksanakan sistem perkembangan "2L" (lawatan dan latihan). Sistem perkembangan ini bertujuan supaya petani-petani menggunakan input-input pertanian yang bermutu dan dengan cara-cara yang teratur mengikut jadual menanam dan lain-lain kemahiran pertanian yang akan menambahkan hasil tanaman mereka. Tindakan demikian merupakan satu langkah jangka panjang dan kejayaannya dijangka tidak dapat dicapai dalam masa tempoh yang singkat.

**Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maksud saya berkenaan dengan tanah ini yang boleh ditanam dua kali setahun. Tetapi apabila saya mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri saya puashati, tetapi saya harap beliau dapat mengambil tindakan yang mana pada tahun ini penyewa-penyewa tanah itu tidak boleh membayar sewa kerana tidak mencukupi air.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Saya akan ambil tindakan.

## PERKHIDMATAN BAS LUAR BANDAR

**8. Tuan Chua Ching Cheng** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan bas di kawasan luar bandar adalah tidak memuaskan memandangkan bahawa bilangan penduduk-penduduk telah bertambah tetapi bilangan basnya tidak?
- (b) Jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil?

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada setengah-setengah kawasan di luar bandar di mana perkhidmatan basnya tidak memuaskan. Jika Yang Berhormat ada mengetahui tempat-tempat yang tertentu di luar bandar yang mempunyai perkhidmatan bas yang tidak memuaskan, Kerajaan sanggup memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk mengadakan atau menambah lagi perkhidmatan itu.

Adalah tidak benar menyatakan bahawa walaupun bilangan penduduk di luar bandar telah meningkat, bilangan bas di kawasan itu tidak bertambah. Sebagaimana Yang Berhormat sedia ketahui Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Kementerian Perusahaan Awam telah meluluskan lesen perkhidmatan awam tambahan baik di bandar atau di kawasan luar bandar. Lesen-lesen ini termasuklah lesen perkhidmatan bas berhenti-henti, lesen bas sekolah dan bas kilang. Oleh yang demikian, tidaklah benar bahawa dengan bertambahnya pemberian lesen-lesen ini bilangan bas-bas yang ada di luar bandar tidak bertambah.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Yang Berhormat ini memberi penjelasan berhubung dengan bas-bas yang di luar bandar. Misalnya, di negeri Trengganu berlaku bas-bas yang di luar bandar tidak mahu menjalankan mengikut peraturan atau mengikut program yang ditetapkan disebabkan jalan-jalan itu buruk. Jadi pihak bas mengatakan dia tidak dapat menjalankan bas kerana ini membawa kepada kerugian. Apabila penduduk-penduduk itu merayu maka berlaku di antara pihak syarikat bas dengan pihak Jabatan Pengangkutan. Maka kalau

sekiranya perkara itu berlaku begitu dan kerap kali berlaku, seumpamanya, di Ulu Trengganu jalannya belum ditarkan lagi, jalannya dibubuh batu-batu, apakah langkah yang patut dibuat untuk memelihara dan untuk menjaga kepentingan penduduk-penduduk yang di sepanjang-panjang jalan itu supaya mereka itu tidak tergendala. Adakah dipaksa bas itu menjalankan perkhidmatannya ataupun dibiarkan sehingga jalan itu di-baiki mengikut kehendak company itu.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam, saya cubalah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum lesen untuk bas-bas besar berjalan dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan dengan beberapa syarat. Syarat-syarat itu termasuklah jadual dan perjalanan (timetable and routine). Jadi kalau sebuah syarikat tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dan pihak yang berkenaan seperti Ahli Yang Berhormat membuat laporan, jadi Lembaga Perlesenan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Soalan tambahan. Yang pertama, apa sebab permohonan daripada syarikat-syarikat yang ada sekarang ini meminta tambah kerana menjalankan bas yang orang ramai menghadapi kekurangan perkhidmatan bas, terlalu lama mengambil masa bertahun-tahun baru diluluskan.

Yang kedua, permohonan-permohonan untuk mengganti baru bas-bas yang sudah buruk, yang tidak patut digunakan lagi juga lambat mendapat kelulusan dari pihak Kementerian. Saya hendak tahu apa sebabnya dan cara mana pihak Kerajaan dapat melekaskan perkara ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Road Traffic Ordinance, apabila Lembaga Pelesenan menerima satu permohonan untuk mengadakan satu perkhidmatan bas misalnya, pihak berkuasa iaitu pihak Lembaga wajib . . . . .

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Pertanyaan saya bukan lesen baru, tetapi bas yang sudah ada lesen; bukan lesen baru. Cuma dia minta menggantikan bas baru dan menambah bas lagi. Itu sahaja, bukan lesen baru.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya salah faham, saya minta maaf, tetapi tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat menyoal kenapa permohonan-permohonan untuk perkhidmatan bas lambat dilayan. Ini soalan pertama. Soalan kedua berkenaan dengan menukar bas baru.

Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat mahu saya jawab soalan yang kedua sahaja, saya hendak jelaskan bahawa kalau syarikat ada sebuah bas lama hendak tukar kepada bas baru, satu tukar satu, soalan tidak timbul. Tetapi soalan timbul apabila Jabatan Pengangkutan Jalan siasat dan dapati komplikasi dalam permohonan oleh pihak yang berkenaan. Tetapi kalau jelas, satu tukar satu, lama tukar baru, tidak ada masalah.

### DOKTOR BERHENTI DARI PERKHIDMATAN KERAJAAN

**9. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan doktor yang berhenti dari perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh Januari 1978 hingga sekarang.
- (b) sama ada Kerajaan menjangka bilangannya akan bertambah dalam tahun ini; dan
- (c) langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan doktor yang berhenti dari perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh Januari 1978 hingga sekarang ialah 195 orang.
- (b) Sejak beberapa tahun yang lalu, peratus bagi bilangan Pegawai Perubatan yang meletakkan jawatan adalah lebih kurang 15% setiap tahun. Kerajaan mengharapkan perletakan jawatan berkenaan tidak akan meningkat lagi sedemikian pada tahun ini dan pada tahun-tahun yang akan datang.
- (c) Pada masa sekarang Kementerian Kesihatan sedang mengkaji semula struktur kenaikan pangkat bagi Pegawai-pegawai Perubatan dan Pegawai-pegawai Pakar Perubatan.

Tambahan pula Jawatankuasa Pelajaran Perubatan Lanjutan (Continuing Medical Education Committee), sebuah Jawatankuasa yang bebas yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan adalah dalam proses memperluaskan kursus dan peperiksaan ijazah lanjutan yang akan diadakan dalam negeri dan dengan adanya kemudahan-kemudahan ini adalah diharapkan banyak lagi dari para doktor kita berpeluang mendapat kelulusan lanjutan yang mana membolehkan ramai lagi Pegawai-pegawai pakar perubatan berkhidmat di bidang-bidang yang berkenaan.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit soalan tambahan. Pada masa sekarang ini kita tahu kekurangan doktor-doktor di rumah-rumah sakit. Adakah benar Kerajaan tidak menggalakkan doktor-doktor private yang specialist untuk memberi usaha mereka di dalam membantu kekurangan doktor di rumah-rumah sakit. Maksud saya ada terdapat doktor luar yang specialist pernah mempelawa untuk menampung kekurangan ini tetapi tidak dilayan oleh pihak rumah sakit?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Sebelum pihak Kerajaan menerima pelawaan seperti ini, kita sebagai Kerajaan mestilah memikirkan dengan mendalam akibat penerimaan atau rejection atau penolakan kita itu, terutama sekali daripada segi medico-legal. Seorang pakar atau seorang private practitioner bekerja di hospital Kerajaan tidak dianggap sebagai Government employee. Jika sekiranya sesuatu perkara terjadi, umpamanya waktu operation pesakit itu mati, siapa yang bertanggungjawab atas masalah ini. Jadi terpaksa pihak Kementerian mengkaji dengan cara lebih mendalam lagi akibat sesuatu tindakan itu, khususnya dari segi medico-legal aspect.

### PENYAKIT KUKU DAN MULUT

**10. Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Pertanian menyatakan bila penyembelihan ternakan yang terkena penyakit kuku dan mulut akan ditamatkan di negeri Kelantan.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, penyembelihan ternakan yang terkena penyakit kuku dan mulut telah dihentikan di negeri Kelantan sejak bulan Januari 1979.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab penyakit inilah pengawalan penyembelihan ternakan untuk pasaran telahpun dikuatkuasakan beberapa bulan lagi di negeri Kelantan. Soalan saya ialah sama ada pengawalan penyembelihan ini dapat ditamatkan sekarang di negeri itu untuk kegunaan kepada rakyat? (*Tidak ada jawapan*).

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, beberapa lama dahulu Kerajaan bercadang untuk mengeksportkan binatang-binatang ternakan ke luar negeri oleh kerana penyakit kuku dan mulut ini begitu besar dan Kerajaan mengalami satu kerugian yang besar. Saya ingin tahu apakah kesan-kesan terhadap rancangan yang kita cadangkan itu oleh sebab penyakit ini berlaku?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Saya tidak dengar, cuba ulang sekali lagi.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa lama dahulu Kerajaan bercadang untuk mengeksportkan binatang-binatang ternakan keperluan negeri dan oleh sebab penyakit kuku dan mulut itu telah berlaku begitu hebatnya dan Kerajaan mengalami satu kerugian besar. Saya minta apakah kesan-kesan telah berlaku, the effect of the disease dengan rancangan yang kita cadangkan itu?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Sejauh mana yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang belum mengeksport lembu-lembu ke luar negeri.

## LAPANGAN TERBANG SUBANG

**11. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau bercadang hendak menggantikan kerusi plastic di Bilik No. 1 (tempat menunggu bagi penerbangan dalam negeri) dengan kerusi-kerusi yang berkusyen seperti di bilik-bilik menunggu yang lain;
- (b) sama ada beliau bercadang hendak mengadakan aero-bridge (terowong) untuk masuk menaiki kapal terbang sebagaimana yang diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa di Pulau Pinang; dan

- (c) sama ada beliau sedar bahawa sistem pengumuman di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang selalu didapati kurang terang apabila sesuatu pengumuman dibuat, jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil untuk membaikinya.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerusi-kerusi ini baru saja dibeli menggantikan kerusi-kerusi yang lama yang telah rosak. Kerusi ini didapati lebih praktikal dari segi penyelenggaraan dan juga menggunakan ruang yang lebih kecil dan ini membolehkan lebih banyak tempat duduk dapat disediakan. Dalam rancangan pembesaran Lapangan Terbang ruang berkenaan akan diperbesarkan dan pertimbangan akan dibuat untuk menyediakan jenis-jenis kerusi yang difikirkan lebih sesuai.
- (b) Ya, Kerajaan bercadang hendak mengadakan 7 buah aero-bridge di bawah rancangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- (c) Sepanjang yang saya tahu sistem pengumuman di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah di dalam keadaan baik dan memuaskan.

Saya telah mengarah pegawai-pegawai yang berkenaan dari Jabatan penerbangan Awam supaya menyiasat dan menyelidiki sama ada pengumuman yang dibuat dapat didengar dengan terang dan jelas dari semua sudut dan sekitar bangunan tersebut. Saya juga telah mengarah supaya pembaca pengumuman dapat membuat pengumuman dengan suara yang lebih jelas dan dengan lebih dekat kepada pembesar suara apabila pengumuman dibuat. Walau bagaimanapun oleh kerana bangunan Terminal Lapangan Terbang Subang itu terdedah dan gangguan daripada kenderaan keluar masuk dari bangunan itu sentiasa berlaku, menyebabkan pengumuman tidak beberapa jelas kedengaran. Sekarang ini projek renovation terhadap bangunan lapangan terbang tersebut sedang dijalankan dan diharap apabila projek ini disiapkan masalah tersebut akan dapat diatasi.

## WABAK TAUN

**12. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) negeri-negeri yang dilanda wabak taun baru-baru ini serta negeri-negeri yang paling teruk menerimanya;
- (b) bilangan pesakit-pesakit mengikut kaum yang mengidap taun;
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk mencegah wabak ini dari mencetus lagi;
- (d) kemudahan-kemudahan kesihatan yang diberi kepada pengidap-pengidap yang sembuh selepas dirawat;
- (e) nasihat-nasihat penting yang diberi kepada rakyat bagi mengelakkan diri daripada mengidap penyakit tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semasa wabak taun 1978, semua negeri telah terlibat kecuali Melaka. Negeri-negeri yang teruk terlibat ialah Kelantan, Kedah dan Perak. Dalam 1979, cuma 3 negeri telah terlibat, iaitu Perlis, Kedah dan Perak, dan negeri yang teruk terlibat oleh wabak taun ialah Perlis.
- (b) Jumlah kes taun pada 31-12-78 ialah 1,536. Dari jumlah ini 1,139 adalah Melayu, 242 China, 133 India dan 22 lain-lain bangsa (misalnya Thai, dan Orang Asli). Berbezanya kejadian-kejadian di kalangan kumpulan bangsa adalah disebabkan jumlah bilangan bangsa (racial composition) di daerah-daerah yang terlibat yang pada biasanya mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang kurang baik seperti pembuangan najis yang tidak sempurna dan kemudahan-kemudahan bekalan air yang tidak memuaskan. Jangkitan Cholera tidak ada kaitan dengan sesuatu kumpulan bangsa dan semua bangsa adalah sama-sama boleh dijangkiti.
- (c) Cara yang boleh menjamin mengelakkan kejadian wabak taun berlaku ialah membaiki kebersihan dalam alam sekeliling, dan kebersihan diri sendiri terutama sekali di daerah-daerah yang mudah berlaku taun. Untuk ini, Ke-

menterian Kesihatan telah mengkaji semula kedudukan taun dan langkah-langkah pencegahan/pengawasan dan telah membuat beberapa syor bagi pembetulan dan pembaikan. Pegawasan dan pencegahan taun akan memerlukan kerjasama penuh dan penyertaan semua agensi-agensi Kerajaan terutama sekali orang ramai yang terlibat

Kebersihan Alam Sekeliling Luar Bandar, Bekalan Air Masyarakat dan Program Pelajaran Kesihatan Kementerian ini telah dipergiatkan lagi menerusi kempen yang dilancarkan pada 10-2-79 dengan kerjasama Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri. Adalah diharapkan menerusi tenaga-tenaga penggerak semangat Gerakan Pembaharuan, kebersihan alam sekeliling di daerah-daerah yang mudah diserang taun boleh dibaiki dan penyakit-penyakit yang dibawa oleh air seperti ini akan dapat dicegah pada masa hadapan.

- (d) Ketika mereka keluar dari hospital, bekas pesakit-pesakit taun adalah dinasihatkan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga daripada dihinggapi semula penyakit dan juga pergi ke kelinik yang berdekatan sekali atau hospital sekiranya mereka cirit-birit ataupun muntah berikutnya.
- (e) Nasihat yang diberi kepada orang ramai bagi mencegah daripada dijangkiti taun ialah seperti yang selalu kita dengar dalam radio dan Televisyen; dan ini termasuklah:
  - (1) Minum air yang sudah dimasak.
  - (2) Amalkan kebersihan diri misalnya basuh tangan sebelum makan dan selepas ke tandas.
  - (3) Tudung makanan dari dihinggapi lalat.
  - (4) Jaga kebersihan kawasan keliling.
  - (5) Gunakan tandas yang sempurna.
  - (6) Ikut nasihat kakitangan kesihatan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan soalan 12 (c) dan (e). Yang Berhormat Menteri telah menyatakan iaitu satu daripada punca penyakit taun adalah daripada air dan juga daripada pembuangan

najis. Kerajaan pada hari ini telah memberi bekalan air kepada kampung-kampung. Oleh itu soal air itu barangkali pada hari yang akan datang akan habislah, tidak ada soal air lagi. Pada suatu hari yang akan datang adakah Kerajaan akan membuat satu undang-undang supaya tiap-tiap rumah di kampung; baik di kampung, di bandar dan sebagainya mestilah ada jamban membuang najis sebab najis inilah satu daripada punca yang besar sekali, yang mendatangkan penyakit taun ini. Kalau tidak perkara ini akan berulang alik, pada masa mesyuarat dulu ini juga yang dijawab oleh Menteri, penyakit terus menerus juga. Maka dengan sebab itu mestilah dibuat undang-undang. Jadi, boleh atau tidak dibuat satu undang-undang yang saya katakan tadi, tiap-tiap rumah mesti ada jambannya.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan itu adalah baik tetapi kita mesti meneliti dari segi praktikalnya. Kadangkala orang kita, kita dapati ada jamban di sana tetapi dia tidak mahu guna kerana dia lebih suka pergi ke tempat lain pula (*Ketawa*). Kalau begitulah keadaannya apa undang-undang pun kita adakan, tidak akan memberi kesan. Yang penting ialah rakyat mesti memahami faedah membuang najis di jamban, dan mereka hendaklah diajar dan "dimotivate" untuk mengguna jamban. Walau bagaimanapun saya rasa, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik dan Insya Allah pihak Kementerian akan mengkajinya.

### PENGGALAN POLIS LAUT, KELANTAN

**13. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh mana kerja-kerja pembinaan Pengkalan Polis Laut di Pengkalan Kubur, Kelantan dilaksanakan setakat Mac, 1979.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan membina pengkalan merin polis di Pengkalan Kubur, Tumpat Kelantan telah dimulakan pada tahun 1976. Oleh kerana tanah simpanan polis yang ada di dalam kawasan itu adalah sangat kecil, iaitu dua ekar sahaja lebihkurang maka perlulah diambil tambah tanah seluas 4½ ekar lagi supaya dapat tanah

yang lebih besar. Proses pengambilan tanah ini hanya dapat diselesaikan dalam bulan Jun, 1978. Di samping itu pihak Jabatan Kerjaraya telahpun memulakan tindakan bagi menyediakan pelan tapak yang hanya diluluskan oleh Kementerian pada 15hb Disember, 1978. Dan oleh kerana Kementerian perlu meneliti dan mengkaji masalah yang mungkin timbul akibat benteng-benteng pasir (*shifting sandbars*) yang selalunya tumbuh di muara Sungai Golok itu maka sudah semestilah kelulusan pelan itu akan memakan masa yang lama sedikit. Walau bagaimanapun Jabatan Kerjaraya sekarang ini sedang menjalankan kerja-kerja tanah untuk menentukan sesuai dengan penempatan bangunan-bangunan dan jeti-jeti yang akan dibina itu.

Sebaik-baik sahaja rumusan dari Jabatan Ujian ini diperbuat maka kerja-kerja deep ports akan diteruskan untuk membolehkan reka binaan asas tiang-tiang akan disediakan dan jika sekiranya tidak ada apa-apa kesulitan teknikal yang timbul dalam masa pembinaan itu maka pembinaan bangunan-bangunan ini dapatlah dimulakan pada penghujung tahun 1979.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sedikit sahaja. Oleh kerana pengkalan ini pengkalan laut polis dan namanya Pengkalan Kubur adakah Kementerian ini bercadang hendak menukarkan kepada nama yang lebih bersemangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

### BANGUNAN-BANGUNAN TINGGI— MENCEGAH KEBAKARAN

**14. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah berjaga-jaga yang telah dijalankan sekiranya berlaku kebakaran di bangunan-bangunan tinggi dan sama ada langkah-langkah tersebut sungguh berkesan dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berusaha untuk mengadakan satu Undang-undang Kecil yang seragam bagi seluruh

negara. Undang-undang Kecil Binaan Bangunan ini telahpun diterima oleh semua negeri dan dikuatkuasakan ke peringkat-peringkat di semua bandar-bandar besar.

Undang-undang Kecil Binaan Bangunan mempunyai penentuan khas bagi menentukan keselamatan di bangunan-bangunan tinggi. Penentuan ini adalah bagi menentukan beberapa aspek yang tertentu seperti:

- (a) Rebakan api;
- (b) Keselamatan nyawa;
- (c) Kemudahan bagi melawan kebakaran; dan
- (d) Kemudahan memadam kebakaran oleh anggota-anggota bomba.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi menjamin kawalan api adalah seperti mengadakan dinding-dinding pemisahan (compartmentation walls), corong-corong keselamatan (protected shafts), penyekat api, kawalan sistem hawa dingin serta kawalan bahan-bahan pembinaan. Semua bangunan tinggi adalah diwajibkan untuk mengadakan sistem penyembur air automatik dan sistem pembuangan asap, jika didapati perlu.

Sistem untuk memberi amaran kebakaran serta memberi panduan bagi penghuni-penghuni bangunan untuk pemindahan jika perlu dengan mengadakan sistem perhubungan awam adalah juga diwajibkan. Semua bangunan-bangunan tinggi diwajibkan untuk mengadakan "alternate means of escape", jalan-jalan keluar yang memuaskan dan dilindungi dan mengadakan sistem penekanan udara (pressurization system) untuk melindungi semua tangga keselamatan supaya asap kebakaran tidak memasuki atau mencerobohi kurungan tangga-tangga dan lobby keselamatan. Semua lampu kecemasan telahpun disediakan untuk memudahkan penghuni-penghuni bangunan keluar dengan teratur tanpa panik. Semua kereta-kereta lif disediakan dengan sistem kawalan yang akan menentukan supaya pengguna-pengguna tidak terperangkap di dalam kereta lif jika bekalan kuasa elektrik tergendala semasa kebakaran.

Bagi kemudahan tindakan bomba pula, tiap-tiap bangunan tinggi perlu diadakan bilik kawalan bomba di mana gerakan dan tindakan bomba dalam pemindahan penghuni-penghuni bangunan dapat diawasi dan dikawal semasa kebakaran. Bangunan-

bangunan tinggi adalah perlu juga diadakan tangga dan lobby melawan kebakaran yang diberi perlindungan tambahan di mana semua peralatan untuk melawan kebakaran disediakan. Lif bomba dengan kuasa pendua akan membolehkan gerakan anggota-anggota bomba bagi bertindak dengan cepat dan selamat. Sistem pancur basah disediakan dengan bekalan air yang mencukupi untuk membolehkan anggota-anggota bomba melawan dan mengawal kebakaran jika api belum dipadamkan lagi oleh sistem penyembur air automatik. Bagi makluman Dewan yang mulia ini sistem penyembur air automatik akan bertindak dengan berkesan jika adanya kebakaran dan dari angka-angka yang telah dikumpul di dalam dan di luar negara sistem ini adalah 99.2% berkesan. Tiga kebakaran telah berlaku di Komplek Pertama semasa tahun 1978. Ketiga-tiga kebakaran ini telah dapat dikawal dan di padamkan oleh sistem penyembur air automatik. Satu lagi kejadian kebakaran di bangunan Wisma Abad, Johor Bahru pada tahun ini (1979) telah juga dapat dikawal dan dipadamkan dengan sistem penyembur air automatik. Jabatan Bomba adalah penuh berkeyakinan jika sistem penyembur air automatik dipasangkan mengikut penentuan dan spesifikasi yang telah dikemukakan dan sentiasa diselenggarakan di dalam keadaan yang baik, ini akan dapat memberi perlindungan kepada nyawa dan harta benda ke taraf yang sangat memuaskan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan di atas perkara undang-undang kecil. Undang-undang kecil ini memang baik; mesti diadakan satu bangunan, mengadakan itu-ini, tingkap mesti terbuka supaya asap boleh keluar, mengadakan lif dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ingat di Kompleks Campbell, Kuala Lumpur apabila bangunan yang bertingkat-tingkat itu terbakar anggota-anggota bomba berpeluk tubuh melihatnya berasap. Saya juga dari Bangunan Parlimen ini, bangunan itu berasap dalam beberapa hari, pihak pasukan bomba tidak boleh berbuat apa-apa. Jadi undang-undang kecil ini untuk siapa? Untuk pokedai-pokedai, untuk orang yang mempunyai bangunan tinggi, tetapi untuk Kerajaan apa ada? Snorkelnya di pekan-pekan besar yang lain mempunyai perkakas-perkakas untuk menyembur air ke atas. Bangunan ini bukan tinggi sangat hanya lebih kurang 20 tingkat

sahaja, itupun tidak dapat dibuat apa-apa. Jadi bolehkah pada masa yang akan datang bukan sahaja membuat undang-undang ini untuk bangunan-bangunan tetapi juga undang-undang untuk pihak bomba supaya ada perkakas-perkakas pemancut dan sebagainya. Boleh atau tidak diadakan begitu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut sejarah kebakaran yang berlaku di negara ini, Campbell Complex ialah satu complex yang kita mendapat banyak ajaran yang mana kita mengikut undang-undang yang lama. Mengikut undang-undang itu kita tidak boleh dapat satu sistem yang memuaskan. Sebab itulah selepas kebakaran itu Kerajaan telahpun kenal banyak undang-undang baru dan sistem baru. Mengikut sistem baru ini saya harap di dalam negara kita, kita akan dapat mengawal lebih banyak kebakaran sekarang.

#### PEMBERITA-PEMBERITA LUAR NEGERI

**15. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** (*di bawah S.O.23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya terhadap pemberita-pemberita luar negeri yang telah melaporkan berita-berita palsu atau mencemarkan nama baik Malaysia serta bilangan mereka yang diusir keluar sebagai "orang yang tidak diingini."

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil ke atas pemberita-pemberita asing jika didapati menyeleweng berita-berita mengenai Malaysia adalah bergantung kepada keadaan atau situasi semasa berita itu dibuat, umpamanya jika pemberita itu berada di luar negara Malaysia ini dan berita atau laporannya adalah dicap di luar juga maka Kedutaan kita di sana akan membuat dan memberi jawapan-jawapan yang sewajarnya. Dan jika berita itu boleh menjejaskan keselamatan negara kita ini maka tindakan dari segi undang-undang akan diambil untuk menyekat kemasukan dan pengedaran berita itu ke dalam negeri ini dan pemberita itu juga akan dilarang masuk. Kalau sekiranya berita atau laporan itu dicap di dalam negeri ini, walaupun pengarangnya duduk di luar maka jawapan dan penerangan yang sewajarnya akan dibuat juga dan sebaliknya pula jika pemberita itu ber-

ada di dalam negeri ini dan berita atau laporan itu juga dicap dalam negeri ini, dan bergantunglah kepada berita yang dibuat, jika boleh menjejaskan keselamatan negara maka tindakan dari segi undang-undang akan diambil terhadap pemberita itu.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah ada pemberita-pemberita asing yang diusir keluar daripada negara ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan keadaan ini bersetuju tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kementerian ini adalah mempunyai dasar sangat longgar menyekat berita-berita palsu yang dibuat oleh pemberita-pemberita yang hendak memburukkan nama kita. Dengan keadaan ini apakah langkah yang berkesan, yang ketat akan dijalankan oleh Kementerian ini.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dasar yang dijalankan oleh Kementerian ini tidaklah longgar bahkan adalah berpandu kepada proses-proses menurut Perlembagaan kita dan juga menurut kebebasan yang kita berikan kepada akhbar-akhbar dan sebagainya dan saya rasa tidaklah ada langkah-langkah lain yang perlu diambil lagi.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah mengamalkan kebebasan akhbar, itulah makna percaya di atas kebebasan akhbar.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, kebebasan akhbar dan sekiranya penyiaran berita-berita sama ada di luar atau di dalam negeri ini tidak menyeleweng dan tidak sekali-kali melanggar keadaan keselamatan dalam negeri ini maka langkah-langkah tidaklah diambil ke atas pemberita-pemberita itu.

#### SKIM PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS PERCUMA

**16. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbang memberi buku-buku teks percuma kepada semua murid-murid di sekolah-sekolah Rendah dan Menengah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, objektif skim pinjaman buku teks Kementerian saya ialah untuk meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh ibubapa yang miskin. Dalam konteks ini sukacita dimaklumkan bahawa sejak skim ini dilancarkan pada tahun 1975 lebih daripada 2 juta murid yang miskin dan yang layak telah mendapat faedah daripadanya. Daripada tiap-tiap tahun bilangan ini terdiri daripada hampir semua murid di sekolah Rendah Kebangsaan: 65% murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), 90% murid daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan 80% murid di Sekolah Menengah. Mereka yang tidak menerima bantuan adalah dianggap mereka yang mampu beli buku-buku teks sendiri atau yang tidak layak menerimanya.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa wang sebanyak \$120.2 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian saya untuk skim tersebut dari tahun 1975 hingga tahun 1978 dan untuk tahun 1979 (tahun ini) wang sebanyak \$60 juta akan dibelanjakan. Sekiranya skim ini dipanjangkan kepada murid-murid di semua sekolah rendah dan menengah perbelanjaannya akan bertambah banyak lagi. Oleh itu saya tidak bercadang untuk memberi buku-buku teks percuma kepada semua murid-murid di sekolah rendah dan menengah untuk masa depan.

### SKIM JAMINAN KREDIT (C.G.C.)

**17. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian sentiasa menggalakkan bank-bank memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga khususnya Bumiputra; jika ya:

- (i) adakah seseorang peminjam itu diwajibkan memberi cagaran untuk satu pinjaman kepada sesebuah Bank itu;
- (ii) apakah sebenarnya peranan C.G.C. di dalam perkara-perkara pinjam-meminjam dan jamin-menjamin atas sipeminjam; dan
- (iii) adakah Kementerian Kewangan mempunyai kuasa untuk memberi jamin atau sokongan atau membenarkan atas satu-satu pinjaman.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, bank-bank perdagangan adalah sentiasa digalakkan supaya memberi pinjaman untuk usaha-usaha ekonomi yang berjaya maju dalam semua sektor ekonomi. Bank-bank telahpun diarahkan supaya memberi pinjaman kepada sektor-sektor ekonomi yang diutamakan, iaitu sektor bumiputra, sektor perindustrian, sektor pertanian bagi pengeluaran makanan dan orang perseorangan untuk membeli rumah.

Menjawab soalan (i) pada amnya sesebuah bank perdagangan berkehendakkan cagaran bagi kemudahan kredit yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan. Bagi peminjam-peminjam kecil, pihak Kementerian Kewangan telahpun mengarahkan bank-bank perdagangan supaya tidak begitu mementingkan jumlah cagaran yang ada tetapi hendaklah lebih memberi penekanan kepada daya maju projek peminjam itu dan keupayaan membayar balik pinjaman. Bank-bank juga telah digesa supaya mengeneipkan cagaran bagi pinjaman yang dijamin oleh Perbadanan Jaminan Kredit, terutamanya bagi pinjaman yang berjumlah \$30,000 ataupun kurang.

Menjawab soalan (ii) peranan Perbadanan Jaminan Kredit (C.G.C.) ialah untuk menjamin pinjaman-pinjaman setelah pinjaman tersebut diluluskan oleh bank-bank. Permohonan-permohonan bagi mendapatkan jaminan-jaminan pinjaman di bawah Skim Jaminan Kredit perlu diproses oleh Perbadanan Jaminan Kredit untuk menentukan bahawa bank-bank yang memberi pinjaman itu tidak menyeleweng dari syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Jaminan Kredit. Syarat-syarat yang dimaksudkan itu ialah seperti berikut:

- (1) jumlah pinjaman bagi tiap-tiap peminjam mestilah tidak melebihi \$100,000 bagi kaum bukan bumiputra dan \$200,000 bagi kaum bumiputra.
- (2) tiap-tiap peminjam hendaklah meminjam hanya dari satu bank sahaja bagi semua pinjaman-pinjamannya sungguhpun hampir semua bank-bank perdagangan boleh memberi pinjaman di bawah skim ini.
- (3) peminjam-peminjam mestilah warganegara Malaysia dan menjalankan perniagaan-perniagaan mereka hanya dalam Malaysia.

(4) tujuan pinjaman itu mestilah untuk membiayai perniagaan-perniagaan yang menguntungkan (viable) dan bukan untuk perniagaan-perniagaan yang menyalahi undang-undang, perniagaan-perniagaan yang tidak sopan, tujuan persendirian seperti membeli rumah atau tujuan spekulasi seperti membeli saham.

Mengenai soalan (iii) jawabnya adalah tidak, Kementerian Kewangan tidak mempunyai kuasa untuk memberi jaminan atau meluluskan satu-satu pinjaman kerana kuasa tersebut adalah hak dan tanggungjawab institusi-institusi kewangan yang mengeluarkan pinjaman. Dari segi memberi sokongan pula Kementerian Kewangan hanya boleh menasihatkan pemohon-pemohon supaya mengikut cara-cara permohonan yang betul agar proses permohonan dijalankan dengan lincin.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kalau sekiranya arahan-arahan yang diberi oleh pihak Kerajaan kepada bank-bank berkenaan itu tidak dipatuhi apakah tindakan Kerajaan boleh buat kepada bank-bank?

Yang Kedua, adakah pihak Kerajaan sedar yang permohonan yang diminta oleh bumiputra ini terlalu lama diproses sehingga sampai sepatutnya wang itu dikehendaki dalam masa setengah bulan atau satu bulan, ini memakan masa yang lama sehingga perkara yang hendak dibuat ini sampai tak jadi. Apa langkah Kerajaan boleh dapat membolehkan supaya proses itu dilekaskan, sama ada dapat ataupun tidak?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama telahpun diumumkan oleh pihak Menteri Kewangan dan juga Gabenor Bank Negara baru-baru ini tentang beberapa denda-denda yang akan dikenakan kepada pihak bank jika arahan-arahan tidak diikuti dan saya rasa Ahli Yang Berhormat dapatlah merujuk kepada perkara-perkara yang tersebut.

Mengenai soalan kedua tadi ada beberapa sebab yang timbul di sini. Pertamaanya perkara setengah-setengah bank permohonan itu lambat sedikit diproses kerana bidang kuasa meluluskan permohonan tiap-tiap cawangan

berbeza-beza. Ada setengah bank itu memberi kuasa terus kepada Pengurus Cawangan hanya setakat beberapa ribu sahaja pinjaman, ada setengah bank itu memerlukan Pengurus Cawangan merujuk kepada Ibu Pejabat. Jadi perkara ini memang merumitkan pemohon-pemohon dan pihak Kementerian telahpun mengarahkan bank-bank supaya meneliti sistem pentadbiran permohonan pinjaman mereka ini dan di mana perlu dipendekkan cara memproses. Ini telahpun dibuat.

Saya inginlah menasihatkan kepada pemohon-pemohon, terutamanya pemohon bumiputra yang meminjam di bawah C.G.C. supaya jangan membuat permohonan hanya selepas sesuatu kontrek ataupun satu-satu kerja itu telah diperolehi untuk dijalankan kerana rasa saya yang lebih baik dibuat ialah membuat perundingan (negotiation) dengan bank sebelum kontrek diperolehi atau sebelum kerja dijalankan supaya dapatlah masa bagi kedua-dua pihak itu menjalankan rundingan yang sebaiknya dan bank juga diberi masa meneliti dengan baik permohonan itu.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tak dapat penerangan yang cukup. Kalau permohonan yang dibuat oleh bumiputra kepada bank yang berkenaan dengan tak ada tujuan, kontrek yang dia dapat memang tidak dilayan oleh bank itu. Kalau ini boleh diberi arahan daripada Kementerian yang berkenaan kepada bank-bank saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, arahan-arahan telahpun diberi dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).*

#### KAKITANGAN SEKOLAH DI TRENGGANU

**18. Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kakitangan sekolah di Trengganu seperti Jaga dan lain-lain yang menjadi anggota Pasukan Pertahanan Tempatan telah dikerah untuk menjaga pendatang haram

hinggakan pentadbiran sekolah yang berkenaan telah terjejas kerana kekosongan jawatan mereka tidak diisi.

**Dato' Chan Siang Sun:** Saya sedar bahawa kakitangan sekolah di Trengganu yang menjadi Anggota Pasukan Pertahanan Tempatan telah dikerah untuk menjaga pendatang haram.

Bilangan kakitangan yang terlibat ialah 55 orang—48 orang daripada kakitangan bukan guru seperti jaga, tukang kebun dan tukang sapu dan 7 orang adalah guru.

Mengenai kakitangan bukan guru Kementerian sedang berusaha mengatasi masalah kekosongan jawatan ini tetapi bagi jawatan guru telah diisi dengan guru-guru sandaran.

### TLDM/TUDM—KAPAL DAN KAPALTERBANG

**19. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa:

- (a) kapal-kapal TLDM kita sudah lama dan tidak dapat berlayar dengan laju lagi, dan
- (b) kapalterbang dan helikopter TUDM kita juga sudah lama dan tidak dapat terbang dengan yang sepatutnya.

Jika sedar, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerianya untuk mengatasi masalah ini.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Berhubung dengan soalan (a), adalah tidak benar bahawa kapal-kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia telah berumur terlalu lama sehingga tidak dapat berlayar dengan cukup laju.

Mengikut amalan yang dipatuhi oleh TLDM, seperti juga di dalam Tentera Laut di negara-negara yang sudah maju, sesuatu kapal itu dibeli dengan tujuan untuk menjalankan sesuatu peranan yang dirangkaikan dalam rangka rancangan Pertahanan kita, dan berasaskan perkiraan jangka umur-boleh-diguna (expected life of efficient service) yang sudah ditentukan dari awal. Apakala kita membeli sesebuah kapal itu, kita juga menentukan keperluan alat-alatganti yang mesti dibeli bersama-sama dengannya. Ini adalah dibuat untuk menjamin supaya kita dapat

melaksanakan jadual senggaraan (schedule of maintenance) yang boleh menentukan yang kapal itu akan terus dalam keadaan yang cukup baik untuk membolehnya menjalankan peranannya dengan penuh dan cekap, termasuk kebolehannya mencapai kelajuan yang dikehendaki.

Bagi kebanyakan kapal-kapalnya, TLDM talahpun menaksir umur-boleh-diguna selama 20-30 tahun. Taksiran ini adalah berasaskan kepada ketahanan badan kapal yang kita boleh harapkan (the expected life of the hull). Tetapi taksiran mengenai umur boleh diguna bagi kelengkapan kapal-kapal itu adalah berbeza-beza tempohnya, dan selalunya lebih pendek daripada tempoh 20 tahun. Misalnya dalam bidang elektronik dan senjata yang dilengkapkan kepada kapal-kapal, kemajuan teknologi yang diresapi dalam pembuatan kelengkapan-kelengkapan itu selalunya mengakibatkan perubahan yang cepat. Maka oleh sebab itulah jadual senggaraan kita mewajibkan pertukaran kelengkapan-kelengkapan ini pada masa pertengahan umur kapal (The programme of conversion/refurbishment and modernisation is normally due at mid life of the ships). Pendek kata dalam masa umur sesebuah kapal itu digunakan dengan cukup senggaraan, hanya badan kapal itu sahajalah (only the hull) yang boleh dipastikan sebagai bahagian yang asal daripada masa kapal itu dibeli.

Seperti Ahli Yang Berhormat lebih maklum pembelian kapal untuk TLDM kita telah dijalankan dengan cara beransur-ansur, iaitu mengikut jadual yang kita tentukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga. Akibat dari jadual pembelian yang disusun mengikut banyak fasa, maka bolehlah dikatakan bahawa umur kapal yang ada pada TLDM pada satu-satu masa merangkumi yang paling tua dan menanti masa digantikan kepada yang paling baru dan berumur kurang dari 2 tahun. Pada keseluruhannya kebanyakan dari kapal-kapal kita adalah terdiri daripada yang kurang dari setengah umur. Umur purata bagi semua kapal TLDM ialah kurang dari 10 tahun dan semuanya telah dijaga mengikut jadual senggaraan masing-masing termasuk jadual senggaraan yang menyeluruh (Long Refit) dan kelengkapan semula. Dari umur purata ini, bolehlah kita anggapkan bahawa campuran kapal baru dan kapal lama dalam Angkatan Laut kita setanding dengan apa yang ada dalam Angkatan Laut negara-negara maju.

Oleh sebab ada jadual senggaraan yang telah ditentukan lebih awal itu, maka kapal-kapal TLDM dapatlah menjalankan perannya dengan cukup baik. Sungguhpun kita merancang kelengkapan bagi Angkatan Laut kita atas dasar jangkaan-umur-boleh-diguna antara 20 hingga 30 tahun, kadangkala ada pula kapal yang boleh langsung diguna lebih dari 30 tahun, kerana senggaraan yang begitu baik dan boleh mengekalkan kelajuan seperti sedia kala. Misalnya: kapal-kapal LST kita (Landing Ship Tank) yang sungguhpun sudah berumur lebih 35 tahun, telah dapat mencapai kelajuan yang lebih dari asal, akibat dari program senggaraan dan modernisation. Demikian juga kapal-kapal penangkis Ranjau, yang mulanya mempunyai kelajuan 15 Notika sekarang ini selepas berumur 20 tahun masih lagi berjalan dengan sama laju, dan pengantinya yang sedang dirancangan pembeliannya hanya mempunyai kelajuan asal 16 Notika sahaja.

Oleh sebab itu, tidaklah boleh dianggap bahawa kelajuan kapal itu bergantung semata-mata kepada umurnya.

Mengikut amalan TLDM, sebelum masanya sesebuah kapal itu sebenarnya tamat diguna, rancangan untuk menggantikannya dilaksanakan, untuk menentukan supaya tugas-tugas yang dikehendaki dari TLDM akan dapat terus berjalan dengan baik ataupun dengan lebih baik lagi.

Demikian juga, amalan mengenai pembelian, penyenggaraan dan penggantian kapal-kapal terbang untuk TLDM adalah berjalan mengikut sama dasar seperti yang saya sudah nyatakan tadi. Oleh sebab itu, anggapan dalam soalan (b) adalah tidak tepat.

#### AHLI-AHLI MAJLIS BANDARAN/ TEMPATAN

**20. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak membayar pencen kepada ahli-ahli Majlis Bandaran dan Tempatan yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, Kementerian saya tidak mempunyai cadangan untuk membayar pencen seperti itu kepada ahli-ahli Majlis Bandaran dan Tempatan.

Tambahan lagi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Negara bagi Kerajaan Tempatan telah bersetuju dengan satu sistem pembayaran elaun untuk ahli seperti itu untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka beri selepas mereka dilantik.

#### GURU-GURU MENGAJAR FIZIK

**21. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan dalam ilmu fizik telah disuruh mengajar matapelajaran tersebut dan ini telah menyebabkan pengajaran yang kurang memuaskan serta menjejaskan pelajaran murid-murid; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa penuntut-penuntut Tingkatan Enam yang sedang menunggu keputusan peperiksaan STP telah diambil sebagai guru sementara untuk mengajar mata-mata-pelajaran penting hingga ke Tingkatan Lima; jika ya, sama ada beliau dapat memberi jaminan bahawa hanya guru-guru yang berkelayakan sahaja yang akan ditugaskan untuk mengajar tingkatan penting seperti Tingkatan Lima.

**Dato' Chan Siang Sun:**

- (a) Saya sedar bahawa guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan dalam ilmu fizik telah disuruh mengajar mata-pelajaran tersebut. Ini adalah disebabkan Kementerian ini masih kekurangan guru-guru dalam bidang berkenaan. Keadaan ini akan bertambah baik apabila semua guru-guru dari Universiti-universiti ditempatkan pada tahun 1979 di mana Kementerian hanya akan kekurangan 108 orang sahaja guru-guru fizik. Walau bagaimanapun, guru-guru sains peringkat menengah rendah adalah mencukupi. Keadaan ini tidaklah menyebabkan pengajaran yang kurang memuaskan serta menjejaskan pelajaran murid-murid.
- (b) Keadaan ini berlaku secara kecil sahaja kerana kekurangan guru yang berkelayakan. Penuntut Tingkatan Enam yang sedang menunggu keputusan peperiksaan STP adalah diambil

jika tiada permohonan daripada calon-calon yang lebih berkelayakan, buat sementara kerana langkah-langkah telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

## PENDATANG HARAM VIETNAM

22. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Sama ada Kerajaan kita telah berunding terus dengan Kerajaan Vietnam mengenai masalah "pendatang haram";
- (b) Hasil rundingan dengan negara-negara ketiga seperti Amerika Syarikat dan lain-lain mengenai pengambilan "pendatang haram"; dan
- (c) Sama ada Kerajaan telah mengenakan had waktu untuk pendatang-pendatang haram itu meninggalkan negara ini.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:

- (a) Kerajaan kita belum berunding dengan Kerajaan Vietnam mengenai masalah pendatang haram tetapi telah menyuarakan sendiri dan menerusi pihak UNHCR rayuan kita tentang perlunya Vietnam mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara ini. Setakat ini sambutan dari Vietnam dalam perkara ini tidak memuaskan.
- (b) Hasil rundingan dengan negara-negara ketiga mengenai pengambilan pendatang-pendatang haram Vietnam adalah menggalakkan. Kebanyakan daripada rundingan-rundingan penting yang diadakan ialah berikutan dengan mesyuarat perundingan di Geneva mengenai orang-orang pelarian dan "displaced persons" pada 11 dan 12hb Disember 1978. Di mesyuarat yang diketolakan oleh UNHCR itu Malaysia telah mengemukakan cadangan-cadangan tersebut di bawah:
  - (1) Supaya lebih banyak lagi negara-negara yang tampil ke hadapan untuk menerima pendatang-pendatang haram tanpa sebarang syarat dan supaya negara-negara tersebut mempertingkatkan tanggungjawab dari segi pengambilan, bantuan kewangan dan sum-

bangsan lain-lain terhadap rancangan penempatan semula pendatang-pendatang haram itu.

- (2) Mewujudkan pusat memproses di sesebuah pulau untuk menampung pendatang-pendatang haram sementara menunggu untuk dipindah ke negara-negara ketiga.
- (3) Mendapat kerjasama Vietnam supaya memberi sumbangan yang membina untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN.

Sambutan dari pihak USA dan Australia atas cadangan tersebut adalah menggalakkan. Wakil masing-masing memberi pengakuan untuk mendesak pihak berkuasa masing-masing supaya menerima lebih ramai pendatang haram dan juga mempengaruhi negara-negara lain supaya menerima PHV. Ini termasuklah pengakuan yang dibuat oleh ahli Kongress Lester Wolfe dan Elizabeth Holtzman yang melawat Malaysia baru-baru ini. Kita dapat tahu Amerika Syarikat akan menerima lebih kurang 80,000 orang dari Wilayah ini bagi tahun ini. Pihak Australia pula telah membuat pengakuan menerima 30,000 dan Canada 6,000 tahun ini.

Dari bulan Januari hingga Mac 1979 bilangan pendatang haram Vietnam yang telah dipindahkan ke negara ketiga ialah 10,000. Mulai dari bulan April bilangan yang akan dipindahkan akan meningkat hingga lebih kurang 5,500 ke 6,000 sebulan. Ini bermakna jumlah yang akan dipindahkan setakat penghujung bulan Jun 1979 ialah kurang 25,000 orang iaitu sepertimana dirancangan bagi separuh tahun pertama 1979 mengikut tawaran yang telah dibuat oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Canada, France dan lain-lainnya.

Berkaitan dengan cadangan mengadakan pulau memproses pendatang haram Vietnam, Indonesia telah mengesahkan kemurahan hatinya untuk mengadakan sebuah pulau dengan syarat-syarat tertentu. Tawaran ini telah disambut baik oleh pihak UNHCR, Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara lain. Mesyuarat khas berkenaan perkara ini akan diadakan di Jakarta tidak berapa lama lagi.

(c) Jawapan kepada soalan ini telah diberikan pada 12hb April, 1979.

### LALU-LINTAS DI KUALA LUMPUR

**23. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tindakan yang beliau akan ambil di dalam perkara lalu lintas di bandar Kuala Lumpur sekarang ini, sebab kereta terlalu banyak.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan yang sama telah dijawab pada 9hb April 1979 dan saya tiada apa-apa perkara lagi untuk menambahkan.

### HOSPITAL DAERAH BATANG PADANG, PERAK

**24. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Batang Padang di Tapah, terutamanya wad perempuan kelas 3, adalah dalam keadaan yang buruk. Jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Wad-wad di Hospital Daerah, Tapah adalah wad-wad lama jenis "Pavillion" dan pada keseluruhannya boleh dianggap dalam keadaan baik. Sebilangan kecil daripadanya adalah perlu dibaiki dan dicatkan. Pada tahun lalu 2 daripada wad-wad ini telahpun dibaiki. Pada tahun ini peruntukan ada disediakan untuk memperbaiki 2 wad dan wad Kelas Tiga Perempuan adalah satu daripadanya. Pihak Jabatan Kerjaraya akan diminta memberi anggaran dan melaksanakannya.

### "HOOKWORM"—PENYAKIT PARASIT

**25. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandang kejangkitan penyakit Hookworm yang melibatkan ramai peladang padi atau peladang desa, dan penyakit ini mungkin mengakibatkan kerosakan badan yang serious, apa langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya dengan kerjasama Kementerian Pertanian.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Jangkitan cacing-kerawit ialah sejenis penyakit parasit di mana keadaan ini menjadi bertambah buruk kerana kebersihan alam sekeliling yang kurang baik terutamanya kekurangan kemudahan-kemudahan pembuangan najis yang sempurna. Langkah-langkah mencegah telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi melawan jangkitan-jangkitan parasit seperti ini yang disebabkan oleh kebersihan alam sekeliling yang tidak baik. Langkah-langkah seperti itu termasuklah pelajaran kesihatan yang disampaikan oleh pasukan-pasukan kesihatan luar bandar mengenai cara pembuangan najis yang betul, pemakaian kasut, dan tumpuan kepada kebersihan diri sendiri seperti membasuh tangan selepas ke tandas dan sebelum makan. Kementerian Kesihatan juga sedang mempergiatkan Program Kebersihan Alam Sekeliling dan Pelajaran Kesihatan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar dengan kerjasama Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri.

Di kawasan-kawasan tertentu kini sedang berjalan program membasmi cacing di kalangan kanak-kanak sekolah seperti di kawasan-kawasan FELDA dan di kawasan Amalan Makanan dan Pemakanan. Rawatan tertentu bagi jangkitan penyakit cacing kerawit juga sedang dijalankan di pusat-pusat kesihatan luar bandar dan hospital-hospital.

Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan adalah ahli dalam Jawatankuasa Kecil Kebangsaan mengenai Projek Tandas dan Bekalan Air yang dipengerusikan oleh Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Pertanian sedar kepada program-program kebersihan alam sekeliling yang dijalankan oleh Kementerian ini dan mempunyai satu polisi membina tandas-tandas di rancangan-rancangan pertanian.

### PEMBATIK-PEMBATIK BUMIPUTRA

**26. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pembatik-pembatik bumiputra mendapati sukar sekali untuk mendapat bekalan kain putih pada masa sekarang dan ada di antara mereka yang telah menutup perusahaan mereka; dan

(b) jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Adalah dimaklumkan sebahagian besar bekalan kain putih kepada pembatik-pembatik bumiputra dibekalkan oleh syarikat KIMA Sdn. Bhd. Syarikat ini adalah ditubuhkan oleh Kerajaan khas untuk mengatasi masalah bekalan kain putih kepada pembatik-pembatik bumiputra. Walau bagaimanapun oleh kerana perusahaan batik adalah suatu perusahaan yang tertakluk kepada perubahan fesyen, ada kalanya syarikat KIMA Sdn. Bhd. tidak dapat membekalkan dengan sepenuhnya jenis-jenis kain putih yang dikehendaki. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan adalah membenarkan kain-kain putih yang tidak dapat dibekalkan oleh syarikat KIMA diimpot oleh syarikat-syarikat Kerjasama pembatik untuk dibekalkan kepada pembatik-pembatik bumiputra.

### TEKSI DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

**27. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa kadar bayaran teksi-teksi pengkalan kapal terbang daripada pengkalan Kapal-terbang Subang ke Kuala Lumpur terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kadar teksi-teksi biasa yang melalui perjalanan yang sama. Memandangkan kadar yang tinggi ini, sama ada pihak MAS bercadang untuk mengadakan perkhidmatan bas mereka sendiri bagi mengangkut penumpang-penumpang daripada Pengkalan Kapal-terbang Subang ke Kuala Lumpur dan balik sebagaimana yang dilakukan oleh negara-negara lain.

**Dr Goh Cheng Teik:** Adalah benar bahawa tambang teksi yang berpangkalan di Lapangan-terbang Subang dan dari Subang ke Kuala Lumpur lebih tinggi jika dibandingkan dengan tambang teksi biasa bagi jarak jauh yang sama. Untuk memahami perkara ini kenalah saya jelaskan bahawa sistem bayaran teksi dengan menggunakan kopon dari Lapangan-terbang Subang sekarang ini telah dilaksanakan berikutan dengan beberapa sungutan, terutamanya daripada pelancung-pelancung, disebabkan pada waktu itu teksi-teksi daripada Subang ke Kuala Lumpur mengenakan bayaran dengan tidak mengikut

meter. Kerap kali berlaku tambang yang dikenakan itu terlalu tinggi. Berikutan dengan sungutan dan kecaman tersebut pihak Kementerian setelah berunding dengan Persatuan Pemandu-pemandu Teksi Lapangan-terbang Subang telah mengenakan kadar bayaran yang baru iaitu dengan membahagikan kawasan di sekeliling Kuala Lumpur dan Petaling Jaya kepada 13 zon. Tambang bagi satu-satu zon itu dikira berasaskan kepada destinasi yang terjauh sekali di dalam zon itu mengikut meter dengan ditambah 60% kepada tambang mengikut meter tadi. Faktor 60% yang ditambahkan itu ialah kerana sesebuah teksi yang berpangkalan di Lapangan-terbang Subang cuma boleh membawa penumpang dari Subang kepada satu-satu destinasi tetapi tidak boleh membawa penumpang dari tempat yang lain ke Lapangan-terbang Subang. Dengan cara kopon sekarang ini, maka kurangnya ke-dengaran aduan atau kecaman daripada pelancung-pelancung yang mereka telah dikenakan tambang yang tinggi dan tidak berpatutan.

Buat masa ini pihak MAS tidak ada cadangan untuk mengadakan perkhidmatan bas daripada Lapangan-terbang Subang ke Kuala Lumpur. Bagaimanapun perkara ini akan di-kaji dari masa ke semasa.

### DADAH—PENGEDAR—PENGEDAR

**28. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau hendak mengadakan satu undang-undang yang lebih berkesan lagi terhadap pengedar-pengedar dadah yang ada sekarang.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Pada hemat Kerajaan undang-undang bagi memerangi pengedar-pengedar dadah adalah cukup berkesan dan Kerajaan tidak ada rancangan untuk menggantikan undang-undang tersebut dengan undang-undang yang baru.

### BEKAS-BEKAS PERAJURIT

**29. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan negeri di Malaysia yang telah melantik Jawatankuasa Pemulihan masing-masing untuk membantu bekas-bekas perajurit di negeri mereka.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Saya suka menjelaskan di sini bahawa setakat ini semua Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya di Semenanjung Malaysia telah pun menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Bekas Ahli-ahli Pasukan Keselamatan di negeri masing-masing yang antara tugas-tugasnya termasuklah:

- (i) Menguruskan hal ehwal bekas-bekas anggota tentera di negeri masing-masing;
- (ii) Menolong bekas-bekas tentera mendapatkan pekerjaan di negeri-negeri;
- (iii) Mengambil tindakan bagi menyusun dan memperkuat Persatuan-persatuan Bekas Perajurit;
- (iv) Menempatkan mereka di rancangan-rancangan tanah yang bercorak "mixed settlement".

Walau bagaimanapun, memanglah tidak dinafikan ada Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah tidak berjalan dengan aktif. Ini terjadi mungkin salah satunya bersebab dari berlakunya perubahan di dalam pucuk pimpinan dan pegawai-pegawai di negeri tersebut. Namun begitu, pihak Kementerian Pertahanan, dari masa ke semasa sentiasa menghubungi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan supaya Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dapat digerakkan secara aktif. Walau bagaimanapun, ada juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama yang menggalakkan di dalam membantu bekas-bekas perajurit ini melalui Jawatankuasa Pemulihan masing-masing.

Cadangan supaya Jawatankuasa Pemulihan yang sama ditubuhkan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak telah juga dilakukan.

### MURID-MURID LUAR BANDAR

**30. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat murid-murid dari sekolah-sekolah luar bandar yang mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab dan lain-lain matapelajaran telah menjadi lemah dalam pelajaran mereka apabila ditukar untuk belajar di sekolah berasrama penuh di bandar; dan
- (b) sama ada kelemahan itu disebabkan oleh kekurangan bimbingan dari guru-guru atau oleh lain-lain sebab.

**Dato' Chan Siang Sun:**

- (a) Perkara ini adalah tidak tepat. Keputusan peperiksaan sekolah-sekolah tersebut menunjukkan murid-murid mendapat kejayaan yang cemerlang.
- (b) Soal kelemahan mereka disebabkan kekurangan bimbingan adalah tidak timbul.

### SYARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA (MAS)—PERTIKAIAN

**31. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) Faktor-faktor yang menyebabkan pertikaian dalam Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS);
- (b) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan peristiwa yang merugikan negara dari berulang lagi; dan
- (c) Jumlah kerugian yang diambil akibat pertikaian itu.

**Dr Goh Cheng Teik:**

- (a) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun membuat satu kenyataan yang lengkap di Dewan Rakyat pada 20-3-1979 berkenaan dengan pertikaian di antara MAS dan AEU. Saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu telah mengikuti kenyataan tersebut.
- (b) Berkenaan dengan soalan (b) perkara ini perlu dikaji dengan mendalam. Setakat ini belumlah dapat saya menyatakan cara dan tindakan yang akan dapat diambil oleh Kerajaan supaya pertikaian seperti yang telah berlaku itu tidak berulang lagi.
- (c) Adalah sukar hendak menentukan jumlah kerugian yang telah dialami oleh MAS akibat daripada pertikaian MAS dan AEU sebab sehingga ini MAS belum lagi dapat mengadakan semula perkhidmatannya ke London dan Australia. Bagaimanapun bolehlah saya nyatakan bahawa MAS perlu membelanja sebanyak \$650,000 sehari jika semua perkhidmatannya digantungkan.

## PENYAKIT KUKU DAN MULUT

**32. Tuan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Berapa banyakkah lembu/kerbau yang telah kena penyakit kuku dan mulut baru-baru ini;
- (b) Berapa buah negerikah yang terlibat;
- (c) Berapa banyak yang mati di tiap-tiap negeri; dan
- (d) Berapa banyakkah wang yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membayar gantirugi pada tiap-tiap negeri.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:**

- (a) Bilangan lembu/kerbau yang telah kena penyakit kuku dan mulut:
  - (i) lembu ... .. 7,511 ekor
  - (ii) kerbau ... .. 1,109 ekor
- (b) Sebanyak lima buah negeri yang telah terlibat iaitu Negeri Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Johor.

(c) Bilangan yang mati di tiap-tiap negeri:

Negeri	Lembu	Kerbau	Kambing/Biri-Biri	Babi
Perlis	132	30	104	—
Kedah	175	136	275	—
Perak	3,252	117	2,371	5,183
Kelantan	3,932	810	971	471
Johor	20	16	25	97

(d) Jumlah wang gantirugi yang dikeluarkan oleh Kerajaan:

Perlis	...	...	\$ 64,695
Kedah	...	...	125,000
Perak	...	...	2,576,351
Kelantan	...	...	1,836,223
Johor	...	...	50,000
Jumlah	...	...	\$ 4,652,269

## PELABUHAN TUMPAT

**33. Datuk Dr Wee Khoo Heck** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan melengkapkan Pelabuhan Tumpat sebagai pelabuhan mini untuk kegunaan nelayan-nelayan dan rakyat di kawasan itu.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Jabatan Perikanan telah menyiapkan sebuah jeti untuk kegunaan nelayan-nelayan di kawasan

Tumpat dan pihak MAJUJIKAN telah melancarkan sebuah Koperasi Nelayan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Pelabuhan Tumpat sebagai pelabuhan mini kerana Jabatan Perikanan akan membina sebuah Komplek Perikanan di Geting yang letaknya tidak jauh dari kawasan tersebut. Kompleks Perikanan Geting ini memakan belanja sebanyak \$1.3 juta sekarang dalam peringkat permulaan dan dijangka siap pada tahun 1981. Komplek ini, apabila siap kelak akan memberi kemudahan kepada 2,000 orang nelayan, termasuklah kemudahan-kemudahan jeti pendaratan, tempat melelong, mengetong ikan, Pejabat Majuikan, kawasan membaiki pukat dan bilik sejuk. Langkah ini diambil adalah disebabkan kawasan Tumpat kurang sesuai untuk pelabuhan mini kerana sedang mengalami proses pemendapan yang tidak menggalakkan pembinaan pelabuhan. Adalah difikirkan tidak wajar bagi Kerajaan untuk membina 2 kompleks berdekatan antara satu sama lain.

## PELABUR-PELABUR LUAR NEGERI

**34. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejak beliau dan rombongan beliau ke luar negeri untuk mendapatkan pelaburan, berapa ramaiakah pelabur yang telah datang serta melaburkan modal mereka di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak hingga sekarang dan jenis pelaburannya.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Dalam tahun 1978, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah mengetuai tiga rombongan galakan pelaburan iaitu ke Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun.

Kementerian saya telah meluluskan sejumlah 23 projek dengan kepentingan Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun semenjak lawatan saya ke negara-negara tersebut. Kesemua 23 projek yang telah diluluskan ini adalah bertempat di Semenanjung Malaysia.

Berhubung dengan jenis pelaburan bagi 23 projek ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa 5 kelulusan telah diberi untuk industri-industri elektrikal dan elektronik, 4 kelulusan tiap-tiap satu untuk industri-industri makanan dan bukan

logam, 2 kelulusan tiap-tiap satu untuk industri-industri barang-barang logam yang dibentuk, plastik dan barang-barang plastik dan barang-barang getah, dan satu projek tiap-tiap satu untuk industri-industri kimia dan barang-barang kimia, kain dan barang-barang kain, perabut dan kelengkapan dan industri pelbagaian.

Dari segi penempatan projek yang diluluskan, untuk tahun 1978, sejumlah 428 projek telah diberi kelulusan oleh Kementerian saya. Daripada 428 projek ini, 20 projek (atau 4.7%) telah dituluskan untuk ditempatkan di Sabah dan 34 projek (atau 7.9%) di Sarawak. Ini bermakna Sabah dan Sarawak telah menerima sejumlah 54 projek (atau 12.6%) pada tahun lalu.

Saya ingin menarik perhatian di sini bahawa beberapa projek yang bernilai berjuta-juta ringgit masih lagi di peringkat perundingan dan dijangka akan ditempatkan di Sabah dan Sarawak. Perlaksanaan projek-projek ini akan dapat mewujudkan kesan pengganda yang positif ke atas ekonomi Sabah dan Sarawak. Di antara projek yang dalam pertimbangan ialah projek melabur "aluminium" (aluminium smelting) di Sabah dan Sarawak. Projek ini melibatkan pelaburan modal berjumlah US\$400 juta di Sarawak dan projek yang dirancangkan di Sabah dijangka melibatkan pelaburan modal berjumlah US\$550 juta apabila peringkat kedua selesai.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1978) 1979

#### Bacaan Kali Yang Kedua

3.38 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) 1979 dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan sebanyak \$113,672,573 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1978 dan Tambahan Pertama, 1978. Keperluan bagi membentangkan Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1978 berjumlah \$150,391,093 tetapi sebanyak \$113,672,573 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$36,718,520 lagi dari peruntukan itu merupakan perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang tertentu.

Sebahagian besar dari peruntukan yang diminta dalam Anggaran Tambahan ini ialah untuk membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan agensi-agensi Kerajaan di Sarawak dan Sabah termasuk kakitangan Badan-badan Berkanun berikutan dengan

pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Jumlah perbelanjaan yang terlibat ialah \$59,476,241.

Sebanyak \$11,360,780 dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Jonor bagi membiayai berbagai projek-projek kecil pembangunan dan pembayaran tunggakan gaji bagi guru-guru agama di negeri tersebut berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Aziz.

Sebanyak \$9,950,384 merupakan pemberian sementara kepada Dewan Bandaraya berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Pemberian ini adalah berdasarkan kepada jumlah hasil yang telah dikutip dari 1hb Oktober, 1976 hingga 31hb Disember, 1977.

Lain-lain peruntukan terbesar yang dikehendaki adalah seperti berikut: \$5,428,950 untuk menampung perbelanjaan bagi mengadakan Pilihanraya Umum pada 8hb Julai, 1978; \$4,026,326 sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk pembelian alat-alat kelengkapan pejabat dan kenderaan bagi kegunaan Jabatan-jabatan di negeri tersebut; \$3.5 juta juga dikehendaki oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk menjalankan kerja-kerja darurat bagi mengatasi masalah-masalah akibat kemarau yang telah melanda di sekitar kawasan Lembaga tersebut; \$3,032,500 bagi membiayai perbelanjaan mengurus Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah ditubuhkan pada 28hb Julai, 1978 berikutan dengan pembentukan Kabinet baru; \$2,420,337 diperlukan bagi membiayai pembayaran elaun gantikan cuti rehat kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara, pencetakan buku "Panduan Perkhidmatan Cemerlang" dan bagi menyewa ruang-ruang pejabat bagi Bahagian Pencen dan Bahagian Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia; \$1,316,400 bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan penyertaan Malaysia dalam program-program perdagangan di luar negeri dan penubuhan Unit Pusat di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan \$1,254,153 bagi menubuhkan Uru-setia Unit Bertindak Eksekutif Jawatankuasa Kabinet mengenai Penyalahgunaan Dadah dan perbelanjaan mengurus Pusat Biro Narkotik yang telah dipindahkan dari Kementerian Undang-undang ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini adalah seperti dinyatakan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 3 tahun 1979.

Dengan tambahan sebanyak \$113,672,573 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1978 ialah \$6,557,867,972. Jika dimasukkan anggaran perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$1,854,557 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 ialah \$8,412,425,338.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahas, saya hanya suka mengingatkan bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 35(1) seseorang Yang Berhormat hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Perkara-perkara yang terletak di bidang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) adalah seperti yang terkandung dalam Kertas-kertas Perintah 2 dan 3, dan hujah-hujah dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dihadkan kepada perkara-perkara tersebut sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.

3.45 ptg.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh pada tambahan perbekalan yang

ada dalam bil ini untuk diluluskan. Bagaimanapun saya suka bercakap cuma empat perkara sahaja mengikut Kertas Perintah 3 tahun 1979.

Yang pertama, dalam B. 4 sebanyak \$5,428,950—Suruhanjaya Pilihanraya. Kita dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, Pilihanraya Negeri Sarawak dan Sabah akan diadakan paa tahun ini. Maka saya berharap apa-apa yang saya katakan dalam Dewan Senate yang lepas akan dapat dipraktikkan iaitu borang-borang knasnya nama-nama calon jangantiah berbelit-belit seperti yang telah diadakan pada 8-7-1978 kerana apa, banyak calon-calon dari Barisan Nasional tidak dapat bertanding dan itu sebabnya saya berharap kita dapat membetulkan cara-cara nama pilihanraya itu iaitu saya berharap kalau dapat dua sahaja, bagi Negeri diadakan warna putih dan bagi Parlimen diadakan warna kuning.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada B. 31—Kementerian Luar Negeri. \$700,000 disebutkan iaitu untuk membeli perabut dan kelengkapan pejabat-pejabat dan sumbangan kepada Kerajaan Thailand, Laos dan Vietnam untuk mangsa-mangsa banjir di negeri itu. Saya suka dapat tahu daripada Kementerian, adakah negeri itu meminta derma pada Kerajaan kita dan pada masa akan datang bolehkah negeri-negeri itu memberi sumbangan pula kepada kita jika kita mendapat kemarau dan malapetaka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita banyak hendak memakai wang untuk membuat projek-projek dan berbagai-bagai dan juga hendak membayar hutang pada negeri-negeri yang kita telah meminjam untuk pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada B. 37—Kementerian Perusahaan Awam sebanyak \$164,300. Tuan Yang di-Pertua, semenjak dipindahkan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ke Kementerian Perusahaan Awam dari Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam orang ramai telah bingung sebab pejabat-pejabatnya di bawah Kementerian baru ini berpecah-pecah. Satu pejabat di Wisma Pahlawan, satu di Jalan Gurney dan satu di Jalan Dungun iaitu di Damansara. Saya berharap kalau dapat diletakkan satu pejabat sahaja supaya senang orang-orang hendak mesen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan berkenaan dengan tambahan perbelanjaan ini. Dalam bil warna hijau ini Kementerian Perusahaan Awam berjumlah \$1,539,300 tetapi dalam buku Kertas Perintah 63/79 cuma disebutkan \$164,300—tengok di muka surat 23. Jadi, saya hendak tahu di mana silapnya. Di dalam kertas hijau lain figure, dalam Kertas Perintah lain figure.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula B. 49—Kementerian Undang-undang. Sungguhpun peruntukan ini untuk membeli kereta di Pusat Timbangtara Perdagangan dan Penyelarasan Antarabangsa tetapi ada satu perkara yang mustahak saya hendak beritahu di Dewan ini iaitu Kementerian Undang-undang, saya berharap pada Kerajaan supaya untuk menjaga taraf Menteri ini saya fikir tempat Menteri sekarang ini dan pegawainya tidak sesuai lagi. Secretariat Building itu sudah uzur, cuma di luar sahaja nampaknya yang elok tetapi bangunan itu telah tua dan uzur, pejabat Menteri itu sendiri saya dapati tidak senonoh lagi bagi seorang Menteri kalau dibandingkan dengan pejabat Menteri-menteri yang lain. Mejanya sudah buruk, kerusinya sudah uzur, carpetnya sudah berbulu-bulu. Saya merayu kepada Kerajaan supaya Kementerian ini dipindahkan ke tempat lain. Saya mencadangkan dipindahkan ke pejabat-pejabat Kerajaan di Jalan Duta kerana saya dapati tempat masih banyak lagi iaitu di Kementerian Kebajikan Am. Itulah juga sebabnya mahkamah barangkali di negeri-negeri banyak yang sudah lapuk dan buruk. Pejabat Menteri Undang-undang sendiri sudah uzur dan tua.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya untuk diluluskan.

*3.51 ptg.*

**Tuan V. V. Aboo:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kepala Bekalan Kementerian Kewangan saya ingin menyentuh satu perkara yang penting iaitu mengenai Credit Guarantee Corporation (C.G.C.). Perkembangan satu-satu masyarakat yang adil ialah kemajuan yang dapat dicapai dalam bidang perniagaan dan perusahaan kecil. Perusahaan-perusahaan yang kecil dan baru muncul atau ingin maju dengan pengalaman mereka sangat-sangat berkehendakkan pinjaman bank. Kita telah dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah kepala berapa? Adakah berkait dengan Maksud-maksud itu?

**Tuan V. V. Aboo:** Kertas Perintah 3, 1979.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak berkaitan, saya fikir.

**Tuan V. V. Aboo:** Di bawah Treasury, Tuan Yang di-Pertua, iaitu B. 33. Kita telah mendengar dalam beberapa tahun yang lalu Kerajaan telah menggalakkan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil dan menubuhkan CGC. Saya melihat daripada Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia, 1978 bahawa CGC ini telah meluluskan pinjaman sebanyak \$115 juta kepada lebih kurang 9,000 orang pada tahun 1978. Tuan Yang di-Pertua, kita masih dengar banyak kegunaan tentang rancangan CGC ini walaupun bank-bank pada keseluruhannya telah dikatakan memberikan pinjaman CGC sebanyak 10% daripada jumlah deposit simpanan mereka, terdapat banyak bank yang enggan memberi kemudahan pinjaman CGC ini kepada pemohon-pemohon. Bank-bank sangat memilih kasih dalam pinjaman CGC dan banyak pengusaha yang tergendala kerana sikap bank-bank ini. Kadangkala bank-bank itu memberitahu pemohon bahawa kuota CGC mereka telah penuh atau memberitahu bahawa CGC adalah terlalu lambat dalam meluluskan pinjaman atau menyelesaikan claims.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada peruntukan berkenaan CGC, saya tidak benar-benar, kerana tidak ikut peraturan. Sila duduk!

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad.

3.55 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya hendak membuat ulasan dalam perkara yang ada kaitan dalam Kertas Perintah No. 3 Tahun 1979 dengan seberapa ringkas yang boleh.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan bahawa satu pembayaran diberi kepada gaji guru agama negeri Johor, bagi pihak kami yang datang dari

negeri Johor mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan pembayaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian mengenai B. 7—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang telah diminta wang sebagaimana maksud yang tersebut: Anggaran Belanja Mengurus Suruhanjaya ini untuk membiayai gaji 4 orang Ahli baru Suruhanjaya yang telah dilantik dan juga gaji kakitangan. Saya hendak sentuh berhubung dengan Suruhanjaya Gaji bagi Jabatan Pelajaran itu, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun diambil ingatan oleh Menteri berkenaan bahawa Suruhanjaya itu sehingga sekarang belum dapat lagi meluluskan satu permintaan yang dibuat oleh ITM. Pihak ITM membuat satu rancangan hendak mengambil pelajar-pelajar bagi kursus Diploma Undang-undang, sehingga sekarang pihak Suruhanjaya itu belum lagi meluluskan permintaan ITM itu walhal rancangan ini telah diakui oleh Jabatan Kehakiman kita dan dengan ini akan menambahkan lagi ahli kita dalam bidang undang-undang iaitu keluaran daripada ITM.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap dalam Maksud B. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia iaitu dalam (i) Pentadbiran; dengan (ii) Percetakan buku "Panduan Perkhidmatan Cemerlang". Ini juga wangnya telah digunakan dan dibelanjakan tetapi saya cuma hendak memberi satu pandangan walaupun buku "Panduan Perkhidmatan Cemerlang" itu sangat baik sebagai panduan kakitangan Kerajaan kita yang seramai 500,000 orang itu. Ada satu perkara yang dapat dilihat oleh rakyat walaupun kita sudah berpandu, rakyat selalu bersungut mengatakan banyak kakitangan Kerajaan itu ponteng masa, waktu mereka bekerja mereka datang lewat, mereka pergi main golf, kadang-kadang di pejabat baca surat khabar sahaja, baca majalah dan kadang-kadang mereka duduk di kantin bergibual lama-lama dan empat lima kali pergi kantin. Jadi, sia-sialah buku yang sangat mulia yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada mereka. Saya harap kepada Kementerian berkenaan supaya memikirkan masalah ini dan benar-benar kita dapat menunaikan kehendak buku "Panduan Perkhidmatan Cemerlang" ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian dalam B. 24—Kementerian Pertanian iaitu tambahan wang yang telah diluluskan sebanyak \$3,500,000 untuk Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk menjalankan kerja-kerja darurat bagi mengatasi masalah-masalah akibat kemarau yang melanda di sekitar kawasan tersebut. Jadi saya puji Kerajaan kerana mengambil satu usaha yang sangat baik memandangkan keadaan petani kita yang malang akibat kemarau itu. Saya harap pada satu ketika kelak oleh sebab musim kemarau selalu terlibat di tanahair kita ini, Kerajaan perlu membuat satu peruntukan khas kepada Lembaga ini dan juga di mana-mana seperti di Kelantan dan sebagainya atas tujuan ini kerana bantuan ini dibuat kadangkala lambat diterima oleh petani-petani kita, tetapi kalau ada satu peruntukan tertentu disediakan kerana bencana alam ini dengan mudah bagi jabatan berkenaan boleh menyalurkan bantuan kepada petani kita. Dengan keadaan ini akan legalah kesempitan hidup mereka berpunca daripada malapetaka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada Maksud B. 25, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, iaitu wang tambahan sebanyak \$1 juta lebih disebutkan dalam kertas putih ini. Saya tidak hendak menghuraikan dengan begitu banyak. Di antara wang itu digunakan dengan tujuan mengurus Pusat Daya Pengeluaran Negara. Saya mengharap kepada Kementerian yang berkenaan, kepada Kerajaan supaya memerhatikan Pusat Daya Pengeluaran Negara ini dengan begitu serius dan diberi peluang mereka yang dapat menerima latihan di Pusat ini bukan sahaja ahli-ahli perniagaan di dalam bandar tetapi kita luaskan dan berikan penerangan kepada ahli-ahli perniagaan kita dan juga pentadbiran dan pemborong-pemborong kita di luar bandar. Sebab dengan keadaan ini mereka akan dapat ilmu pengetahuan asas bagi mengendalikan perniagaan dan pemborong. Kita jangan hanya membataskan kepada peniaga-peniaga yang telah mahir atau peniaga-peniaga yang di bandar tetapi kita luaskan penerangan ini kepada peniaga-peniaga kita di luar bandar khususnya bumiputra yang sedang berkecimpung dalam lapangan perniagaan. Dengan keadaan ini Pusat ini akan berguna besar kepada rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Maksud B. 26, Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan. Wang tambahan yang diminta sebanyak \$314,000 telah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan penubuhan Pusat-pusat Latihan Belia Niaga. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian ini dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang sanggup memberikan peruntukan yang begini banyak. Masalah ini, kita dapati bahawa belia-belia, beliawanis-beliawanis kita memang mereka itu berminat, mempunyai semangat dan berusaha dalam perniagaan sama ada perniagaan kecil membuka gerai-gerai dan kedai-kedai kecil di kampung-kampung. Dengan adanya Pusat-pusat Latihan Belia Niaga ini, satu peluang keemasan kepada mereka, dan pada pengambilan ini juga saya harap bahawa tidak dibataskan, bukan hanya belia-belia yang kita hendak latih di pusat-pusat ini, belia-belia yang telah memasuki persatuan belia tiap-tiap daerah tetapi belia-belia yang tidak masuk juga di kawasan-kawasan luar bandar, beliawanis-beliawanis yang tidak masuk persatuan-persatuan belia juga kita beri peluang supaya mereka dapat diberi latihan dan daripada itu kelak mereka akan memasuki persatuan belia di kampung-kampung dan di daerah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Maksud B. 31, Kementerian Luar Negeri. Tadi telah dicakapkan oleh rakan sejawat saya berhubung dengan tambahan sebanyak \$700,000 ini iaitu kita memberikan satu bantuan kepada bencana alam yang telah terkena kepada rakyat negeri Thailand, Laos dan Vietnam. Ini saya katakan satu usaha yang sangat baik iaitu Kerajaan Malaysia telah bersimpati atas penderitaan yang dialami oleh rakyat negara-negara jiran kita. Walaupun sumbangan kita ini begitu kecil tetapi kita rasa bahawa inilah yang terupaya oleh kita dan saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi dikatakan hendak bantu, bila kita di sini ditimpa bencana kita pula minta bantuan, tidak kita beri sumbangan jangan minta balasan kepada orang. Kita beri dengan tulus ikhlas; kami bersimpati dengan kamu kerana ditimpa malapetaka di negeri itu, inilah keupayaan kami dari Malaysia. Mudah-mudahan dengan ditanam budi di hati negeri-negeri ini akan dibalas baik oleh Kerajaan Negeri itu, rakyat negeri itu, walaupun pemberian kita ini kecil. Malahan pula melalui timbang rasa kita kepada rakyat negeri itu yang terkorban dalam malapetaka itu, walaupun sedikit,

mereka akan merasa bahawa inilah sumbangan yang sedikit daripada Kerajaan Malaysia, daripada rakyat Malaysia. Dengan keadaan ini mereka boleh mendesak Kerajaan mereka membuat satu perhubungan muhibah, membuat satu perhubungan terbaik-baik dengan kita dalam lapangan ekonomi, dalam lapangan lain-lain dengan keadaan ini maka akan terjalinlah perpaduan antara negara-negara ASEAN dengan negara-negara Tenggara Asia, sebab dia masuk blok lain. Itu maksud kita, biarlah kita berbudi walau dengan siapapun. Kita tidak kira sama ada ideologi negeri itu komunis atau bukan komunis melainkan Israel. Kalau Israel kena malapetaka saya cegah Kerajaan negeri ini jangan beri bantuan kepadanya tetapi kalau negeri-negeri itu terutama negeri jiran macam ini patut kita beri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B. 33, Perkhidmatan Am Perbendaharaan ada disebutkan di sini Kerajaan telah memberi . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Maksud B. berapa?

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Maksud B. 33, wang sebanyak \$11,360,780 dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Johor bagi membiayai projek-projek kecil pembangunan dan pembayaran tunggakan gaji guru-guru agama bagi tahun 1979 berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Aziz. Tadi, guru agama saya sudah memberikan terima kasih, ini ada satu pinjaman kepada Negeri Johor dengan projek-projek kecil. Ini satu usaha yang sangat baik sebab negeri-negeri lain tidak berani buat macam negeri Johor. Dengan sebab itulah rakyat negeri Johor mempercayai Kerajaan Barisan Nasional. Biasanya projek-projek kecil ini kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya pergi ke satu-satu tempat umum menghadiri satu-satu perayaan seperti Hari Raya, Deepavali atau Hari Tahun Baru Cina dia buat satu pengumuman bahawa dia akan beri tempat itu satu peruntukan projek sebanyak \$400,000. Projek kecil inilah yang berkesan kepada rakyat. Kerajaan Pusat memberikan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Johor ini memang sesuai benarlah dengan dasar parti kita, hendak mengambil hati rakyat supaya rakyat tertarik dengan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, gemar saya menarik perhatian kepada tambahan sebanyak \$11 juta lebih yang merupakan pemberian semen-

tara kepada Dewan Bandaraya berikutan dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan berdasarkan kepada hasil yang telah dikutip dari 1hb Oktober, 1976 hingga 31hb Disember 1977 dan ada kaitannya pula Kerajaan Pusat bermurah hati memberi \$1 juta kepada usah-usaha hendak memperbaiki berhubung dengan bangunan tanah bumiputra, ini benda yang sangat baik. Saya cuma hendak sentuh dalam peruntukan yang pertama tadi, kalau boleh Dewan Bandaraya ini memandang satu benda kebajikan yang ada kaitan dengan penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan ini berhubung dengan bangunan tempat ibadat, mesjid sangat sesak. Barangkali Yang Berhormat pun tahu kalau kita pergi ke Masjid Kg. Datuk Keramat pada hari Jumaat orangnya bukan sembahyang di luar sahaja. Tuan Yang di-Pertua, orang bersembahyang di atas temok, bahkan kadangkala ada anak-anak kita tidak dapat sembahyang kerana tidak ada tempat, ini memalukan kita. Kita duduk di bawah Wilayah Persekutuan yang banyak duit, masjidnya kecil. Kerajaan kata hendak melaksanakan pembangunan jasmani dan rohani, ini tidak betul, Tuan Yang di-Pertua boleh tengok Masjid Kg. Datuk Keramat, begitu juga banyak masjid dalam Wilayah Persekutuan ini, tidak diutamakan sangat oleh pihak pentadbir Wilayah Persekutuan ini. Saya harap perkara ini diambil tindakan dan pada satu ketika tidak ada air, orang balik terus. Di masjid yang begini baik tidak ada air, orang hendak sembahyang kalau tidak ada waktu, haram. Anak-anak kita ini tahu, Kalaulah datang orang-orang Arab melihat begini orang-orang Malaysia sembahyang, belum sempat sembahyang Jumaat sudah balik oleh sebab tidak ada air. Kalau tapak tiada buat dua tingkat apa salahnya? Sebab orang Islam sekarang semangat beribadat kepada Tuhan sangat meluas, bukan sahaja kepada orang dewasa tetapi anak muda kita dengan rambut panjangnya, bila mereka hendak pergi beribadat kena keadaan seperti ini datang satu perasaan, baik aku liar daripada masjid. Ini satu usaha yang patut difikirkan oleh Dewan Bandaraya dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya hendak menarik perhatian ialah muka 23, B. 37—Kementerian Perusahaan Awam iaitu tambahan sebanyak \$164,300 dikehendaki bagi menampung perbelanjaan pengurusan Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

telah bercakap dan saya hendak timbulkan satu perkara yang ada pada Lembaga Pelesen ini ia telah menggunakan wang yang diberikan oleh Kerajaan Pusat. Saya hendak tegur satu perkara, perkara ini sama ada salah atau tidak salah, iaitu berhubung dengan nombor kereta-kereta. Adakah Kementerian ini sedar bahawa ada satu sindiket menjual nombor-nombor istimewa. Nombor yang istimewa itu boleh dibeli \$5,000; \$10,000. Kalau betul-betul ia berhajat kepada nombor itu ia boleh bayar sampai \$30,000 sebab dia ada duit. Nombor istimewa ini adakah haram pada Lembaga Pelesen ini atau halal? Kalau sekiranya halal mengapa tidak dijadikan hasil Kerajaan. Nombor istimewa, ada yang hendakkan nombor J 1; J 2, Kalau orang hendakkan nombor yang kecil itu dia kena bayar \$5,000 dia bayar \$10,000. Ini ada berlaku pada Lembaga Pelesen ini. Jadi tolong siasat. Kalau betul ini halal jadikan hasil negara. Kalau benda ini haram tegah. Biar semua orang boleh dapat, ikutilah gilirannya pada mendapatkan nombor-nombor itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di bawah B. 39—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, muka 25 iaitu jumlah wang sebanyak \$1 million lebih yang telah diperuntukkan di bawah Kementerian Undang-undang untuk Pusat Biro Narkotik yang telah dibekukan. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa Pusat Biro Narkotik ini telah didudukkan di bawah Kementerian Undang-undang dan kita menyokong atas tindakan ini. Tetapi dalam masalah hendak mendapatkan pegawai-pegawai dalam Pusat ini, saya mengharapkan Kerajaan supaya meluaskan pandangan dengan menghantar ramai pegawai-pegawai kita keluar negeri yang ada kaitan dengan narkotik ini seperti ke Amerika, ke New Zealand atau ke Australia, sebab negeri-negeri ini berjaya mencegah kemasukan dadah dalam negerinya. Negeri kita ini sebabnya banjir dadah kita tidak upaya mengawal kemasukan dan kita tidak upaya mengawal orang-orang yang mengedar dadah cuma yang kita upaya ialah memulih orang-orang menghisap dadah. Orang yang mengedar dadah kita tidak upaya mengambil tindakan, begitu juga mengawal dadah masuk dalam negeri, kita tidak upaya. Tetapi dengan kita berlatih dan mengambil pelajaran daripada negeri-negeri yang moden itu seperti yang saya sebutkan itu, insya Allah dari masa ke semasa dadah ini dapat dikurangkan kemasukannya dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam muka 28, B. 49—Kementerian Undang-undang. Tadi telah dicakapkan oleh rakan sejawat saya iaitu wang sebanyak \$83,400 dikehendaki dengan sebab kita telah mengadakan seorang Timbalan Menteri yang baru dilantik dan pembelian sebuah kereta bagi kegunaan Kementerian ini. Saya hendak bertanya Kementerian ini, dahulu kita ada Timbalan Menteri Undang-undang kereta itu ke mana pergi? Tidak bolehkah gunakan kereta itu? Bila Menteri baru kereta pun baru. Jadi ini satu benda yang boleh memboroskan Perbendaharaan Negara. Bila baru sahaja Menteri, tukar pejabat baru kereta pun hendak baru. Kenapa tidak boleh Menteri yang baru itu duduk di kereta lama itu. Mana pergi kereta lama itu. Sudah dijual? Saya fikir belum patut dijual lagi. Jadi masalah yang begini jangan dijadikan amalan di negeri Malaysia ini sebagai negeri yang mewah, makmur, bila Menteri baru, Timbalan Menteri baru, Setiausaha Politik baru, kereta pun baru, pejabat baru, semua baru. Kalau duduk tempat yang lama itu apa salahnya? Ini saya fikir adalah boros. Kita hendak lihat khidmat dan tugas dia. Kalau khidmat dan tugasnya lembab dan tugasnya tidak memberi puas hati rakyat, rakyat kecewa memberikan wang yang begitu banyak untuk kereta baru, bangunan baru. Bila dia berkhidmat dengan tulus ikhlas, berkhidmat dengan bagus, cemerlang rela rakyat memberi duit kerana membuat pejabat baru dan hendak membeli kereta baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat inilah saya dapat memberi ulasan dan saya sokong Rang Undang-undang ini.

*4.18 pig.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini, mula-mula tentang Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran. Di sini berkehendakkan peruntukan sebanyak \$250,000 sebagai pembayaran pampasan kepada gaji-gaji tanggungan kepada bekas Menteri Pertanian, Allahyarham Dato' Seri Haji Ali bin Haji Ahmad dan ini patutnya sudah lama kita bayar kepada balu Allahyarham itu. Jadi saya sokong dengan sepenuh-penuhnya di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pencen ini saya haraplah kepada Kementerian yang bertanggungjawab apabila seseorang itu bersara maka Kerajaan terpaksa membayar pencen dan sagu hati mereka seberapa segera yang boleh.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Tribunal Perkhidmatan Awam. Saya juga menyokong perbelanjaan sebanyak \$1,095,300 ini yang dikehendaki bagi perbelanjaan mengurus Tribunal Perkhidmatan Awam. Ini memanglah saya sokong penuh tetapi hendaklah Tribunal ini melihat betul-betul iaitu pegawai-pegawai Kerajaan apabila menjalankan tugas yang sebenar-benarnya. Wang tidak menjadi hal, gaji pun tidak menjadi hal asalkan pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan khidmatannya kepada rakyat. Ini yang penting sekali. Ada rungutan, Tuan Yang di-Pertua, apabila rakyat jelata yang di luar bandar datang terutama sekali di Pejabat Tanah, Pejabat Daerah, pejabat-pejabat lain berjam-jam nanti. Jadi gajinya, pencennya atau segala-gala yang dikehendakinya itu tidak jadi hal, kakitangan dikehendaki lagi tidak jadi hal, tetapi hendaklah mereka ini berkhidmat betul-betul. Saya nampak bukan semua, tetapi ada juga pegawai-pegawai Kerajaan tidak menghiraukan kehendak-kehendak rakyat. Ini yang saya minta dengan kelulusan ini tidak menjadi apa-apa hal kepada kami di Dewan Negara ini.

Selain daripada itu saya menyentuh B. 24—Kementerian Pertanian Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Tambahan sebanyak \$3,500,000 adalah dikehendaki oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Perkara ini telah dikatakan oleh sahabat saya tadi. Ini dikehendaki oleh kerana mengganti rugi kepada petani-petani. Ini memanglah patut diberi oleh kerana pada masa itu panas sahaja, air tidak ada, maka terpaksa kita membayar kerugian kepada petani-petani kita. Tetapi di sini saya rasa apa yang kita buat dahulu iaitu taliair-taliair yang kita buat begitu banyak memakan belanja berjuta-juta ringgit, kerana jikalau musim tidak hujan, air-air ini ada ditakung begitu banyak, dapat air-air ini keluar. Kalau ikut cara dahulu menantikan hujan, itu perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, tetapi cara moden ini memanglah ada dam. Itu sebab kita buat dam dan berjuta-juta ringgit kita telah habiskan kepada kontraktor membuat dam. Tetapi apa sebabnya kekeringan

oleh kerana tidak ada hujan. Ini tidak menjadi soal pada hari akan datang jikalau sekiranya siasatan-siasatan telah dijalankan dengan sebetul-betulnya. Dengan ini saya sokong di atas perbelanjaan yang dikehendaki sebanyak \$3,500,000.

Saya menyentuh B. 25—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tambahan sebanyak \$1,316,400 adalah dikehendaki bagi perbelanjaan berkaitan dengan penyertaan Malaysia dengan program perdagangan di luar negeri, penubuhan unit Pusat di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan untuk menambah anggaran belanja mengurus di Pusat Daya Pengeluaran Negara. Tuan Yang di-Pertua, ramai pegawai-pegawai kita pergi ke luar negeri, kadangkala ke Eropah, ke negeri-negeri EEC untuk menyatakan apa barang-barang yang kita ada dalam negeri ini, menunjukkan ke luar negeri. Tetapi yang penting sekali kepada bumiputra ialah buatan tembaga ataupun perak akan ditunjukkan di luar negeri dan dibawa mereka ini sekali. Beberapa kali dibawa ramai pegawai-pegawai Kerajaan ke luar negeri, pegawai-pegawai Kerajaan itu juga. Kalau seorang pegawai Kerajaan itu, ia jugalah yang dibawa berpuluh kali. Begitu juga misalnya ada dibawa Wakil Rakyat, Wakil Rakyat itu juga ataupun ada pedagang-pedagang yang dibawa; pedagang-pedagang itu juga yang dibawa ke luar negeri, berkali-kali orang itu juga. Ini mesti diubah oleh Kerajaan.

Selain daripada itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$314,000 adalah dikehendaki bagi perbelanjaan berkaitan dengan penubuhan Pusat-pusat Latihan Belia Niaga. Ini memang patut terutama sekali kalau misalnya belia-belie, selain daripada bumiputra memang dari kecil mereka ini telah dilatih untuk berniaga. Kalau kita tengok di tepi-tepi jalan nampak orang-orang yang bukan bumiputra berlatih dari kecil; menjual aiskerim, menjual air batu, menjual rojak dan sebagainya. Tetapi belia-belie bumiputra ini bila sudah besar baru dilatih. Dengan sebab itu saya haraplah kalau misalnya pada hari akan datang \$314,000 ini tidak mencukupi untuk Pusat Latihan Belia Niaga sebab bukan itu sahaja, dia hendak membeli perkakas-perkakas dan sebagainya, jika dikehendaki wang yang lebih banyak lagi pada hari akan datang, saya akan sokong untuk mendapatkan wang-wang seperti ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran. Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan sumbangan kewangan sebanyak \$24,000 setahun selama 2 tahun kepada Universiti Bangsa-bangsa Bersatu. Kalau Universiti Bangsa-bangsa Bersatu itu tidak menjadi apa, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak tahu \$120,000 kepada East-West Centre di Hawaii. Yang saya tahu East-West Centre di Hawaii ini ada sebuah pusat pelajaran yang ditubuhkan oleh Amerika, dipusatkan di Hawaii. Tujuannya memang baik, tetapi adakah diminta oleh East West Centre ini ataupun kita memberi kepada East-West Centre dan apa yang kita akan dapat, adakah kita dapat pegawai-pegawai kita akan dilatih di sana dan adakah Post-Graduate Studies ataupun lain-lainnya ataupun ini adalah satu tempat propaganda, boleh jadi propaganda Amerika atau propaganda centre bagi CIA di East-West Centre ini. Apa dia East-West Centre di Hawaii ini? Rakyat jelata yang hendak memberi \$120,000 ini juga barangkali hendak tahu apa dia yang dikatakan East-West Centre ini. Begitu juga dengan Universiti Bangsa-bangsa Bersatu, kalau dapat diterangkan sedikit apa dia Universiti Bangsa-bangsa Bersatu ini. Adakah universiti di New York, United Nations University, di New York atau di mana-mana. Di sini umum sekali iaitu sebanyak \$24,000 selama 2 tahun kepada Universiti Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya bersetuju untuk menyokong ini sebab kita adalah dalam Bangsa-bangsa Bersatu tetapi apa tujuannya, di mana universitinya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri. Saya bersetuju untuk membantu orang-orang Vietnam ini. Seperti apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi memang patutlah biar apa bangsa sekalipun. Kepada saya kalau South Africa sekalipun, kalau ada kemalangan jiwa dan sebagainya, biarpun Yahudi, jikalau misalnya ada orang mati kerana bah, banyak orang mati itu ini, kalau negeri kita orang Islam ini memang kita bantu tidak kira siapa sahaja kerana negeri Islam cukup baik, tidak kira walau Yahudi pun dia tolong. Di South Africa, orang-orang kulit hitam tidak boleh masuk dalam motokar orang-orang kulit putih, tidak boleh masuk dalam keretapinya, tidak boleh masuk dalam hospitalnya, berasing-asing hospital; itupun kita tolong.

Ini dia orang-orang Malaysia yang beragama Islam dan yang tidak beragama Islam juga. Ini dia Kerajaan Malaysia, ini tidak menjadi hal.

Tetapi yang saya tidak mahu ialah yang dinamakan politik. Kalau dikatakan sosial tidak apa hal, ini dikatakan Butiran (Kod) 4011 Bayaran Pindahan (2) Politik. Ini politik tidak boleh kerana kalau dikatakan politik itu maknanya kita sudah ada fasal-fasal dengan ini. Saya harap dilain kali Menteri yang bertanggungjawab tolonglah memberitahu saya apa sebab dikatakan politik ini. Adakah bersangkutan ataupun tolong menolong dengan Vietnam atau komunis. Ini tidak, tentu sosial. Kalau sosial itu luas maknanya, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak bersangkutan dengan sesiapa.

Lain, barangkali tidak ada apa-apa, Tuan Yang di-Pertua, di atas Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) 1978 ini dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

*4.31 ptg.*

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Bill ini tetapi sebelum itu saya suka hendak memberi sedikit pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, ini dalam masalah pencen, elaun pesara dan ganjaran, yang diberi kepada Allahyarham bekas Menteri, Datuk Seri Ali Haji Ahmad. Tetapi perkara ini telah umum, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Menteri pencen sama ada dia bersara, cukup khidmat jawatan ataupun dia meninggal dunia, pencen itu dipotong pula dengan potongan income tax. Perkaranya ini sudah ada disebut oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra dalam buku "Viewpoint" nya. Dia mendapat ganjaran daripada Kerajaan, tetapi beberapa lama pula diperkirakan peruntukannya yang mesti dibayar kepada pihak Income Tax. Saya membuat pandangan kepada Kerajaan supaya menimbangkan. Sepatutnya sebagai ahli politik yang berkhidmat kepada negara kita, yang menjalankan tugas yang begitu cemerlang, saya menyarankan kepada Kerajaan supaya Kerajaan patut menimbangkan pada masa yang akan datang, dasar memotong ganjaran pencen persaraan bukan sahaja Menteri tetapi pihak yang berkenaan patut tidak dikenakan. Bermakna pencen penuh dan bersih dari sebarang potongan.

Buku Viewpoint, Yang Teramat Mulia Tunku kalau kita baca di atas sebahagian daripada cedokannya adalah memperkatakan kalau kita perhatikan halus-halus, maksud dan tujuan serta ada rasa kesal atas langkah Kerajaan itu. Sebagai Bapa Kemerdekaan Negara ini bukan sahaja Kemerdekaan Malaya tetapi Kemerdekaan Malaysia dan pada satu ketika beliau menjadi Setiausaha Agung Sekretariat Islam sudahpun menentukan beberapa bulan hendak meminjam satu bangunan Kerajaan bagi persidangan penting sekretariatnya di Kuala Lumpur. Dan pada hari dan waktu yang sama di Dewan yang dikehendaki itu pula ada satu persidangan yang lain. Sedangkan apa yang dilakukan oleh beliau bukanlah bagi faedah dirinya tetapi faedah kepada negaranya sendiri, yang beliau menjadi Setiausaha Agung Sekretariat Negara-negara Islam dan beliau menyatakan rasa hairan dan malunya kejadian itu berlaku.

Dalam buku itu ada menyebutkan juga ganjaran baginya. Saya membawa perkara ini ke Dewan ini dan menyarankan kepada Kerajaan supaya menimbangkan perkara ini. Kalau ditanya berapakah penzen yang diberikan kepada balu bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan berapa pula ganjarannya yang dipotong bagi income tax? Kalau kita sebutkan di dalam Dewan ini, kita sendiri rasa malu, bahawa Kerajaan tidak dapat memberi satu kemudahan kepada seorang negarawan kita yang telah meninggal dan ganjarannya juga dipotong untuk income tax.

Begitu juga Menteri-menteri yang ada sekarang ini pun kelak, kalau bersara akan dipotong juga income taxnya. Dengan keadaan tanggungjawabnya kepada negara tidakkah ada satu sumbangan Kerajaan, bolehkah Penasihat Kewangan Kerajaan kita dalam negara kita sendiri menasihati Kerajaan supaya menimbangkan untuk dilepaskan ganjaran itu dan sebarang potongan income tax.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, B. 44, kalau tidak salah saya iaitu Penjara. Di sini duit tambahan penjara ini ialah \$46 juta. Saya membuat pandangan kepada Kerajaan iaitu bukan sahaja perkara pengurusan itu dibincangkan, perkara penjara itu umpamanya di Kuala Lumpur ini patut dibincangkan. Dulu sudah ada cadangan Kerajaan supaya penjara ini dipindahkan ke Kajang, iaitu pada zaman Menteri Dalam Negeri, Tun Dr

Ismail sudahpun dicadangkan yang penjara Pudu ini dipindahkan ke Kajang. Tetapi kita tidak dapat tahu mengapa cadangan itu tinggal terbantut. Dengan sebab pembangunan Kuala Lumpur yang pesat dan maju ini, sudah mustahak pada hemat saya penjara yang ada di Pudu itu dipindahkan sahaja. Apatah lagi kalau sekiranya bangunan tapak Ibu Pejabat Polis itu telah siap berhadapan dengan penjara itu maka ini makin menjadikan Kuala Lumpur ini satu keadaan yang manis-manis masam, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sudah kena masanya bukan sahaja kita mengkaji duit pengurusan B. 44, Penjara ini sekian-sekian banyak, wujudnya penjara di Kuala Lumpur ini juga patut dipertimbangkan. Seharusnya mengikut jadual asal iaitu dipindah ke tempat yang lain. Kalau sekiranya Kajang difikirkan tidak menasabah, dekat dengan Kuala Lumpur, pembangunan di Kajang ini juga boleh menyebabkan kesulitan, kita boleh mencari tempat-tempat yang lain yang difikirkan lebih menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap lagi sedikit fasal pos, iaitu B. 68, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Di sini ada perbelanjaan kerana membuat Setem Pembebasan Palestin. Macam mana pendirian Kerajaan kita sekarang ini. Kita banyak bersahabat. Ada seorang Ahli Yang Berhormat, kawan saya, dia sembahyang Jumaat di Kampung Datuk Keramat, kalau datang orang Arab, kata dia, malu kita. Ertinya dia lebih mirip kepada Arab. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya di dalam Dewan ini kita bersahabat belaka dengan negara-negara Arab seperti Saudi Arabia, dan kita bersahabat juga dengan Mesir.

Saya hendak bertanya dasar Kementerian, apakah hendak dibuat juga setem seumpama ini yang menyebabkan kita serba salah apabila mereka negara-negara Arab sama Arab berputus-putus hubungan diplomatik yakni ada Arab yang Pro-Arab, dan ada Arab yang Pro-Mesir, dan pada waktu itu di mana kita? Di mana dasar luar kita, berikutan dengan Mesir sudahpun membuat Perjanjian Perdamaian dengan Israel, tetapi sebahagian negeri Arab bagi menentang perdamaian ini. Bagaimana pendirian kita sekarang ini? Jadi kalau setem yang macam itu kita buat, kita haruslah berhati-hati supaya jangan lakukan kerana takut timbul soalan yang begini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah di masa hadapan kita akan membuat setem yang lain. umpamanya, setem yang mengaitkan dasar negara lain sedangkan negara kita sekarang ini ialah sebuah negara yang tidak mencampuri urusan politik negara-negara lain. Walaupun kita beri sokongan, tetapi pada masa yang akhir-akhir ini kita dipertanyakan bagaimana pandangan Kerajaan kita terhadap Perjanjian Mesir dengan Israel. perkara ini tentulah akan menjadi satu kesilapan jika kita tidak bijak-bijak menimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Kepala B. 29, di dalam sini ialah Belanja Tambahan Pengurusan, tetapi di dalam Kertas Perintah 5/1979 ialah Tambahan Perbelanjaan Pembangunan. Oleh sebab Kertas Perintah ini ada kaitannya dengan Kertas Perintah 3/1979 iaitu Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan kedua 1978 bagi Kerajaan Malaysia dengan Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1978 bagi Kerajaan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pembangunan tidak dibincangkan.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Saya tidak bercakap mengenai pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam pengurusan. Tetapi wang yang banyak dibelanjakan oleh Kementerian Pelajaran ini ialah dalam soal pembangunan—wang sebanyak \$7 juta lebih yang telah digunakan untuk membeli sebuah kolej di Genting Highlands. Pengurusan ini termasuklah menguruskan yang itu, duit yang diberikan itu akan menguruskan duit pembangunan. Jadi saya harap Kementerian Pelajaran janganlah lain kali membeli satu kolej di Genting Highlands, tempat itu sudahpun masyhur namanya sebagai tempat mewah, ada baiknya kalau dibuat di tempat lain, tetapi perkara ini sudah berlaku di harap Kementerian Pelajaran tidak mengulangi kesilapannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pandangan sahabat saya tadi iaitu bantuan kepada Universiti Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun tambahan kita sebanyak \$24,000, duit itu tidak banyak, tetapi apakah keperluannya Universiti Bangsa-bangsa Bersatu

itu dengan kita. Dalam masa hendak memberi tambahan kewangan itu patutlah kita memberi satu keterangan yang penuh yang lengkap agar tidak terkeliru pandangan kita dalam masalah ini. Begitu juga East-West Centre, Hawaii. Dahulu memang betul ada galakan kita untuk melatih orang-orang Amerika datang ke negeri kita belajar Bahasa Malaysia, kita hantar guru kita ke sana mengajar. Tetapi adakah pada masa ini keadaan itu sesuai lagi atau tidak dan kalau tidak sesuai ada baiknya langkah itu kita berhentikan sahaja.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

4.46 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu menyatakan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.47 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.05 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan sekali lagi sokongan saya terhadap Bil yang sedang kita bincangkan ini.

Dalam kesempatan ini, saya sukalah menarik perhatian pihak Kerajaan, pertama sekali tentang Kepala B. 33 dalam Rang Undang-undang ini yang mana peruntukan yang dikehendakki berjumlah sebanyak \$27 juta lebih terbahagi kepada tiga pihak iaitu pertama, negeri Johor, kedua, negeri Kelantan dan ketiga, Wilayah Persekutuan. Ketiga-tiga ini semuanya berupa pinjaman.

Saya tidaklah hendak menyentuh dalam peruntukan \$11 juta lebih kepada negeri Johor dan juga \$11 lebih kepada Wilayah Persekutuan, cuma saya hendak menyentuh peruntukan yang telah diberi oleh Perbendaharaan berupa pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang saya perhatikan di sini peruntukan ini untuk pembelian alat-alat kelengkapan pejabat dan kenderaan bagi

kegunaan Jabatan-jabatan di Negeri tersebut. Saya percaya peruntukan untuk pengurusan lain memang ada tetapi saya rasa dalam masa yang begitu singkat perbelanjaan sebanyak \$4 juta lebih untuk kelengkapan pejabat dan kenderaan amatlah terlampau dan sukacitalah saya kalau pihak Kementerian yang berkenaan dapat memperincikan apa dia peruntukan \$4 juta itu alat perabut dan pembahagian pejabat bagaimana, sebab apa yang saya tahu seperti yang telah berlaku di Pejabat Setiausaha Kerajaan di Kota Bharu yang mana untuk mengubahsuaikan Pejabat Menteri Besar dan juga Pejabat Timbalan Menteri Besar sahaja memakan angka hampir \$½ juta dalam perbelanjaan pengubahsuaian. Apa perlunya perbelanjaan yang begitu besar? Tidakkah lebih baik wang ini diguna untuk faedah rakyat langsung seperti apa yang dilakukan oleh negeri Johor untuk pembangunan kecil dan sebagainya.

Sebagaimana saya nyatakan tadi saya tidak nafikan bahawa peruntukan bagi pembangunan kecil dan apa-apa lain itu memang ada dilaksanakan tetapi peruntukan yang begini besar untuk perabut dan pengubahsuaian pejabat-pejabat sahaja amatlah memboroskan.

Selain daripada itu, saya menyentuh kepada B. 44 yang mana peruntukan diminta sebagai tambahan berjumlah \$6 juta lebih bagaimana yang tercatat dalam muka 28 Kertas Perintah 3 Tahun 1979. Saya suka menarik perhatian pihak Kerajaan tentang cara-cara pengurusan. Kalau pihak saudara saya tadi di sebelah depan sana membangkitkan soal letaknya tempat ataupun kawasan penjara di tengah-tengah ibukota ini tidak sesuai lagi, saya tidaklah hendak membangkitkan masalah ini tetapi saya hendak sentuh masalah yang pernah disuarakan oleh badan-badan Islam di Malaysia ini tentang layanan pihak Jabatan Penjara ini kepada banduan-banduan dan tahanan-tahanan dalam penjara khususnya bagi tahanan orang Islam yang mana mereka ini diwajibkan menunaikan fardu Jumaat dan saya tidak dapat penjelasan lagi sehingga sekarang ini sama ada fardu Jumaat ini dibolehkan ataupun tidak banduan-banduan ini menunaikan sesuai dengan hukum Islam yang difardukan ke atas mereka. Jadi saya rasa elok sangatlah kalau Dewan ini dapat penjelasan daripada pihak berkenaan tentang masalah ini dan saya amat bersetuju dan kalau boleh dilipatgandakan lagi usaha

pemulihan orang-orang tahanan dan juga banduan-banduan ini supaya benar-benar mereka ini pulih bila balik besok ke dalam masyarakat sesuai dengan didikan dan pemulihan yang dilakukan dalam penjara itu dengan didikan keugamaan selain daripada memberi mereka kepandaian untuk mencari hidup mereka di luar penjara esok. Jadi usaha didikan ugama ini perlu dilipatgandakan, sebab mereka itu perlu diberi santapan kerohanian yang boleh menjamin dan menyekat mereka daripada melakukan kesalahan lagi pada masa akan datang setelah mereka dibebaskan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang akhir sekali yang saya hendak sentuh di sini ialah Kepala B. 70 yang mana peruntukan dikehendaki oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya hendak sentuh dalam Kepala B. 70 ini tentang pengurusan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini terutama kepada pihak-pihak berkuasa Majlis Perbandaran ataupun Majlis Tempatan ataupun sekarang ini dikenali sebagai Majlis Daerah.

Pada masa yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, khususnya di negeri Kelantan Majlis-majlis Tempatan yang dahulu dikenali dengan Majlis Tempatan ataupun Majlis Perbandaran, yang pada masa itu Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio menjadi Menteri Besar di negeri Kelantan, pada waktu itu Kerajaan Kelantan dalam kesulitan kewangan untuk menyumbangkan kepada Majlis-majlis Tempatan di seluruh negeri Kelantan dan pernah berlaku elaun kepada Ahli-ahli Majlis Bandaran atau Majlis Tempatan itu tidak dibayar. Jadi masalah pengurusan seperti inilah perlu diperhatikan dan sehinggalah Majlis Bandaran Pasir Putih pernah didakwa di Mahkamah oleh ahli-ahli Majlis Bandaran itu sendiri tentang elaun yang mereka berhak itu tidak dibayar oleh Majlis Bandaran itu dan keputusan mahkamah mengeluarkan satu order, memerintahkan supaya Majlis Bandaran Pasir Putih hendaklah membayar habuan elaun kepada ahli-ahli Majlis Bandaran itu. Dan pada fahaman saya Majlis Bandaran Pasir Putih telah membayar dengan sumbangan wang daripada Kerajaan negeri Kelantan. Saya percaya kejadian seperti ini bukan hanya berlaku di Pasir Putih sahaja. Adakah kita mahu supaya majlis-majlis atau pihak yang berkuasa tempatan itu didakwa dahulu di dalam mahkamah baru Kerajaan hendak membayar apa yang ditentukan oleh pihak Kerajaan sendiri?

Jadi saya harap perkara ini dapat diambil kira oleh pihak yang berkenaan supaya keadaan yang seperti ini tidak akan berlanjutan lagi ke mahkamah pada masa yang akan datang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan dan sekali lagi menyokong Bil ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 10 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 5.15 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.32 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

5.32 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan juga menyokong Rang Undang-undang ini dan juga saya ingin meminta izin supaya dapat menjawab bagi pihak Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan lain di mana yang boleh dijawab pada masa ini. Perkara-perkara yang tidak saya jawab akan dirujuk kepada Kementerian-kementerian dan juga Jabatan-jabatan berkenaan sama ada untuk tindakan atau perhatian. Sebenarnya seluruh peruntukan yang dimohonkan itu telahpun dibelanjakan dalam tahun 1978.

Saya ingin membangkitkan beberapa perkara sahaja terutamanya Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim Yaacob telah membangkitkan soal borang pilihanraya dan juga cara pilihanraya dijalankan iaitu borang-borang dan sebagainya. Ingin saya menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sedang mengkaji semula peraturan perjalanan pilihanraya dan juga inginlah saya menyatakan bahawa peruntukan mengenai borang-borang ini adalah mengikut kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Ordinan Pilihanraya yang memerlukan butir-butir lengkap mengenai calon yang ingin bertanding.

Tentang peruntukan diberi untuk masa-masa banjir, itu telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi

iaitu kita memanglah memberi peruntukan untuk masa banjir di negeri-negeri lain itu berasaskan muhibbah dan tidaklah berasaskan kepada minta balasan balik apabila kita pula menghadapi malapetaka.

Mengenai Pejabat RIMV yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim Yaacob, Kementerian Pengangkutan akan berpindah ke Wisma Perdana, Jalan Dungun pada awal bulan Mei ini dan Pejabat ini akan berhampiranlah dengan Jabatan Pengangkutan Jalanraya yang bertempat di Blok A Kompleks Pejabat Jalan Dungun, Damansara Height. Jadi tidaklah berselerak lagi Jabatan itu.

Mengenai peruntukan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' itu yang tidak sama jumlahnya, yang sebenarnya sama kerana kalau kita jumlahkan peruntukan untuk MARA sekali, maka samalah angka di dalam Bil ini dan juga angka dalam memorandum iaitu sebanyak \$1,539,300.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah membangkitkan soal tentang peruntukan untuk kemarau dan sebagainya, memang ada dipertimbangkan oleh Kerajaan peruntukan-peruntukan seperti ini tetapi seperti kita sedia maklum keadaan kemarau ini tidak diketahui tepat pada masanya dan pada keadaannya. Jadi akan mengambil masa untuk pengeluaran bantuan-bantuan subsidi tersebut.

Mengenai peranan Pusat Daya Pengeluaran Negara seperti saya maklumkan bahawa Pusat ini memang telah giat menjalankan usaha melatih peniaga-peniaga dan pemborong-pemborong bumiputra di luar bandar. Misalnya mengadakan kursus-kursus, melahirkan dan membina usahawan bumiputra dan juga kursus membimbing peniaga-peniaga bumiputra, juga pemborong-pemborong diadakan kursus khas seperti perakaunan untuk pemborong, penentuan kos dan sebagainya. Jadi, perkara ini telahpun diambil perhatian.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu pinjaman kepada negeri Johor untuk projek-projek kecil bukanlah sahaja pendahuluan atau pinjaman seperti ini untuk menjalankan projek-projek kecil dibuat untuk menarik rakyat supaya tertarik dengan dasar-dasar Kerajaan tetapi lebih penting peruntukan-peruntukan pinjaman-pinjaman seperti ini diberi kepada negeri-negeri yang berkehendakkannya supaya dapat memenuhi hasrat rakyat untuk

mendapat kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan, iaitu ini adalah kelaziman dibuat oleh Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dengan pinjaman-pinjaman seperti itu supaya rakyat dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik dengan kemudahan-kemudahan asas itu.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi masjid Wilayah Persekutuan tidak cukup dan malu kalau orang Arab datang ke sini misalnya, sukacitalah saya memaklumkan memanglah Kerajaan amat menitik-beratkan bukan sahaja kemajuan pembangunan fizikal tetapi supaya kemajuan pembangunan fizikal ini setimpal dengan kemajuan pembangunan kerohanian dan kemasyarakatan, terutamanya kerohanian. Jadi bagi Wilayah Persekutuan seperti dimaklumkan bahawa Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan memerlukan peruntukan Tambahan Pembangunan bagi tahun 1979 berjumlah \$3,460,000 untuk mendirikan 4 buah masjid baru, membesarkan 5 buah masjid yang sedia ada, membina 3 buah surau, 3 buah sekolah agama dan juga sebuah Pejabat Kadi dalam tahun 1979 ini. Jadi mudah-mudahan masalah yang dihadapi oleh orang-orang sekarang ini akan dapatlah diatasi di masa akan datang.

Tentang Biro Narkotik kita tidak berupaya mengawal kemasukan dadah ini tidak seperti New Zealand dan Australia. Sukacitalah saya menegaskan sebenarnya keadaan kita ini agak berbeza dengan Australia dan New Zealand ataupun Eropah semata-mata kerana kita ini sebelah menyebelah dengan Golden Triangle daripada mana narkotik ini berpunca. Itulah sebabnya masalah dadah di negeri kita ini banyak jauh berbeza daripada Australia atau New Zealand kerana mereka jauh daripada punca dadah itu datang.

Tentang soal motokar yang disediakan tadi, sebenarnya Yang Berhormat Datuk silap. Sebenarnya motokar ini bukan untuk Timbalan Menteri, motokar ini untuk kegunaan Kementerian umumnya. Jadi tidak timbullah soal menggunakan motokar lama.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah membangkitkan soal kemarau dan tali-air dan sebagainya. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa telahpun ditubuhkan oleh pihak Kerajaan satu Jawatankuasa Pusat untuk mengkaji keseluruhan masalah bekalan air dan masalah pengurusan air termasuk sekali masalah mengawal banjir di seluruh negara iaitu Jawatankuasa mengkaji soal per-

airan dalam masa jangka panjang supaya dapat dirumuskan syor-syor untuk perlaksanaan bukan sahaja untuk menjamin bekalan air yang cukup tetapi juga mengawal banjir ini serentak dibuat. Ini telahpun ada dalam perhatian dan tindakan Kerajaan yang tegas.

Satu lagi perkara telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin ialah tentang soal pinjaman kepada Kelantan dan juga membangkitkan soal mengenai Lembaga Tempatan atau Majlis Tempatan. Di sini saya sukalah memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan memang sedar bahawa ada di antara Local Council, Majlis-majlis Tempatan yang tidak dapat menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab kewangan mereka kerana tidak cukup kewangan iaitu kutipan-kutipan hasil tidak cukup. Maka itulah sebabnya telah ada satu dasar penyusunan semula (restructuring). Majlis-majlis Tempatan atau Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan berkaitan dengan ini Kerajaan Persekutuan telahpun mengadakan grant pelancaran (launching grant) dan juga bantuan kewangan tahunan bagi Pengusaha-pengusaha Tempatan yang telah disusun semula ini supaya dapat mereka bukan sahaja memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk-penduduk di kawasan itu tetapi juga dapat menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab mereka. Kita dapati setakat ini 44 daripada Pengusaha-pengusaha Tempatan di seluruh negara telahpun disusun semula dan mendapat bantuan-bantuan yang diberikan itu.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengenai penjara dan juga kaitannya dengan memberi ceramah-ceramah agama kepada banduan-banduan ini, sukacitalah saya memaklumkan bahawa sudah ada diberi kursus-kursus dan ceramah-ceramah agama untuk banduan-banduan, bukan sahaja banduan-banduan jenayah tetapi juga banduan-banduan dadah di penjara-penjara kita. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri telahpun merasmikan kursus-kursus yang telah dijalankan ini dan ini adalah sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu mengenai sama ada kita menitikberatkan pemulihan rohaniah bagi banduan-banduan kita. Ini telahpun dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada lagi perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan buat masa ini, cuma saya ingin mencatatkan bahawa apa-apa perkara yang tidak saya bangkitkan terutama yang detailnya akan dikemukakan kepada pihak-pihak Kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya dapat mereka mengambil perhatian dan di mana sewajarnya mengambil tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53 (2), saya mohon mencadangkan

bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) ini dibacakan kali yang ketiga sekarang.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.44 petang.*